

# ARLIMEN MALAYSIA

มสทททททททททททททททท  
mDEWAN RAKYAT

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA P  
ARLIMEN KEDUABELAS 2010

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab  
Lisan Harian Yang Tidak Dapat  
Dijawab Dalam Dewan Rakyat  
Daripada Kementerian**

**HARIRABU: 7 APRIL 2010**

CAWANGAN PERUNDANGAN  
PARLIMEN MALAYSIA.

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG XI DAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN  
(SOALAN NO. 5,12 HINGGA 70 )**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 4 DAN 6  
HINGGA 11**

**[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

## SOALAN (5)

### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	LISAN
TARIKH	7 APRIL 2010 (RABU)
DARI PAD A	Y.B. DATUK SERI PANGLIMAHAJI ABDUL GHAPUR BIN HAJI SALLEH (KALABAKAN)

#### SOALAN

**Y.B. DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL GHAPUR BIN HAJI SALLEH (KALABAKAN)** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan:-

- (a) apakah ada undang-undang yang mewajibkan semua pemaju sama ada Kerajaan mahupun swasta agar menyediakan tapak letak kereta yang mencukupi sesuai dengan saiz bangunan yang dicadang untuk dibangunkan; dan
- (b) jika ada mengapakah di Sabah banyak bangunan termasuk bangunan Kerajaan yang dibenarkan pembinaannya tanpa menyediakan tapak letak kereta yang mencukupi.

#### JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini tiada undang-undang khusus yang mewajibkan pemaju atau agensi Kerajaan dan swasta memperuntukkan tempat letak kereta di kawasan bangunan yang dibangunkan. Sungguhpun demikian, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) misalnya telah menggubal Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Tempat Letak Kereta JPBD 5/2000 sebagai panduan kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), agensi-

agensi Kerajaan, badan-badan berkanun serta pihak swasta di dalam merancang pembangunan kawasan tempat letak kereta di kawasan pentadbiran dan bangunan masing-masing.

Garis panduan ini menggariskan secara komprehensif pelbagai aspek perancangan tempat letak kereta termasuk menetapkan piawaian (standard) minimum bagi setiap aktiviti guna tanah yang meliputi perumahan, perdagangan, perindustrian, institusi, kemudahan masyarakat dan rekreasi.

Selain itu, pemakaian Bab 4 Garis Panduan dan Peraturan Perancangan Bangunan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Kecil Piawaian dan Kos Bagi Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara berhubung penyediaan tempat letak kereta adalah tertakluk kepada undang-undang kecil PBT yang sedang berkuatkuasa. Untuk makluman, Undang-Undang Kecil Pelesenan Tempat Letak Kereta Persendirian PBT menetapkan keperluan lesen dan fee lesen tahunan yang dikenakan kepada pengusaha tempat letak kereta persendirian.

Keberkesanan pelaksanaan garis panduan walau bagaimanapun bergantung kepada penguatkuasaan di peringkat negeri dan tempatan. Dalam hal ini, pihak KPKT telah menjelaskan kepada semua Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan supaya menjadikan syarat menyediakan tempat letak kereta yang mencukupi sebagai satu syarat yang perlu dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri dan PBT sebelum meluluskan sesuatu projek pembangunan.

(b) Berhubung dengan pembinaan bangunan termasuk bangunan kerajaan di

Sabah tanpa menyediakan tempat letak kereta yang mencukupi Kementerian ini tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Untuk makluman, Sabah menggunakan Ordinan Perancang Bandar dan Desa (Sabah Cap. 141). Berdasarkan peraturan dan Garis Panduan yang digunakan pada masa ini, keperluan tempat letak kereta untuk bangunan komersial dan pejabat di negeri Sabah ialah **1 tempat letak kereta bagi setiap 750 kaki persegi luas lantai**

**bangunan berkenaan.** Nisbah ini telah dikemaskini daripada 1000 kaki persegi yang telah digunakan sebelum ini. Bagaimana pun jika nisbah berkenaan masih tidak dapat menampung keperluan tempat letak kereta, kerajaan Negeri Sabah akan mengambil tindakan untuk meningkatkan nisbah tersebut agar ianya akan dapat memenuhi keperluan semasa.

Kementerian Perumahan  
dan Kerajaan Tempatan

April 2010

**SOALAN NO : j**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN DARI**

**PAD A**

**TARIKH SOALAN**

LISAN

LOKE SIEW FOOK [RASA]

**LOKE SIEW FOOK**

7 April 2010

**[RASA]**

**minta MENTERI KERJA RAYA**

menyatakan status terkini projek naik taraf Jalan Seremban-Senawang, tarikh siap asal projek tersebut dan berapakah tambahan kos projek serta jumlah kos yang terlibat.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Naiktaraf Jalan Seremban ke Senawang, Negeri Sembilan telah diberi Surat Setuju Terima kepada kontraktor pada 1 Disember 2004 dan tarikh milik tapak adalah pada 10 November 2005. Tarikh siap asal projek ini mengikut kontrak adalah pada 9 Mei 2008.

Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek ini mengalami kelewatan kerana beberapa masalah yang berlaku semasa tempoh pembinaan seperti masalah pengambilan balik tanah, halangan struktur bawah tanah dan kenaikan harga bahan binaan. Pada masa ini, masalah tersebut telah diatasi dan projek ini dapat disiapkan pada 23 Mei 2010.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kemajuan fizikal sebenar di tapak pada 6 April 2010 adalah sebanyak 99.1% berbanding jadual iaitu 100%. Harga Kontrak Asal bagi projek ini adalah sebanyak RM110 juta manakala Harga Kontrak Semasa pula adalah RM 108.3 juta, iaitu tiada tambahan kos kepada

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

kontrak.



**KK/BP(1.10)294/6-73 SJ.B/(72)**

**DARI PAD A                      DATO' ISMAIL BIN KASIM ( ARAU )**  
**PERTANYAAN                    MULUT**  
**TARIKH                            07.04.2010**  
**SOALAN NO                      13**

**Dato' Ismail bin Kasim ( Arau )** minta **MENTERI KEWANGAN**

menyatakan apakah jaminan dan kawalan Kerajaan terhadap syarikat- syarikat besar terutamanya yang menghadapi masalah kewangan. Apakah bentuk insentif yang akan diberikan untuk menolong syarikat ini ketika kegawatan ekonomi.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah menubuhkan sebuah jawatankuasa di bawah seliaan Bank Negara Malaysia iaitu Corporate Debt Restructuring Committee (CDRC) pada Julai 2009 yang bertujuan membantu syarikat-syarikat besar untuk menstrukturkan semula hutang mereka. Selain itu, syarikat Danajamin Nasional Bhd. (Danajamin), sebuah syarikat jaminan kewangan ditubuhkan dan mula beroperasi pada Mei 2009 untuk meningkatkan keupayaan syarikat-syarikat untuk

mendapat pembiayaan mereka dalam pasaran bon. Danajamin dengan modal berbayar sebanyak RM1 bilion ditubuhkan untuk memastikan syarikat-syarikat dari segi perniagaan dan juga pelaburan mempunyai akses untuk mendapat pembiayaan yang diperlukan oleh mereka. Melalui jaminan yang diberikan oleh Danajamin, syarikat-syarikat berupaya memperoleh pembiayaan melalui pasaran bon di pasaran tanpa masalah.

2. Bagi menjamin kestabilan ekonomi negara, Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai usaha dan inisiatif di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama dan Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua yang telah diumumkan pada 4 November 2008 dan 10 Mac 2009. Di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua, beberapa langkah drastik telah diambil bagi memastikan ekonomi negara kekal stabil berikutan daripada krisis ekonomi global yang sedang melanda ketika itu.

3. Menerusi Teras Ketiga di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua, Kerajaan telah memperkenalkan Skim Jaminan yang bernilai RM10 bilion. Skim Jaminan ini dibahagikan kepada dua jenis iaitu Skim Jaminan Modal Kerja (SJKM) bernilai RM5 bilion dan Skim Jaminan Penstrukturan Semula Industri (SJPSI) bernilai RM5 bilion.

4. Melalui kedua-dua Skim ini, Kerajaan menjamin pembiayaan yang dibuat oleh institusi-institusi kewangan kepada syarikat-syarikat yang berkenaan. Dengan cara ini, masalah syarikat-syarikat untuk mendapatkan kemudahan pembiayaan dapat diatasi dan sekali gus

memperbaiki aliran kredit mereka. Kedua-dua Skim ini telah dilancarkan pada 16 April 2009. **SOALAN NO. 14**

5. Berikutan permintaan yang tinggi terhadap SJMK berbanding dengan SJPSI pada 7 September 2009, Kerajaan telah bersetuju untuk menyelurkan RM2 bilion dari SJPSI kepada SJMK. Ini menjadikan siling pembiayaan di bawah SJMK bernilai RM7 bilion manakala siling pembiayaan di bawah SJPSI berkurangan kepada RM3 bilion.

6. Sehingga 22 Mac 2010, keseluruhan RM7 bilion yang telah diperuntukkan di bawah SJMK telah pun diluluskan. Dengan itu, SJMK telah ditutup kerana telah mencapai had maksimum RM7 bilion. Di bawah SJPSI pula, sejumlah RM815 juta telah diluluskan dan Skim ini masih dibuka sehingga had RM3 bilion dipenuhi atau sehingga 31 Disember 2010, yang mana terdahulu.

#### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN**

**RAKYAT PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARI PADA                    YB TUAN TAN TEE BENG (PKR)**  
**(NIBONG TEBAL)**

**TARIKH                        7 APRIL 2010 (RABU)**

**SOALAN**

**YB Tuan Tan Tee Beng (PKR) (Nibong Tebal) minta MENTERI**

## **PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

menyatakan adakah sebarang mekanisme pemulihan atau terapi yang berkesan bagi menangani permasalahan penderaan fizikal dan penderaan seksual.

### **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) memberi perhatian serius terhadap permasalahan penderaan fizikal dan penderaan seksual yang berlaku ke atas kanak-kanak. Bagi menangani permasalahan tersebut, JKJ menyediakan khidmat bimbingan dan kaunseling kepada mereka yang terlibat melakukan penderaan. Melalui pendekatan ini, mereka yang terlibat akan diberi bimbingan dan khidmat nasihat agar mereka dapat memahami permasalahan mereka dengan lebih jelas. Dengan ini mereka akan dapat menilai sama ada perbuatan yang mereka lakukan itu betul atau sebaliknya. Bagi kes yang serius, JKJ akan merujuk mereka kepada pakar psikiatrik bagi mendapat rawatan terapi selanjutnya.

#### **SOALAN NO. 14**

Selain itu, JKM juga menyediakan khidmat sokongan seperti bantuan kewangan yang bersesuaian bagi meringankan beban yang ditanggung oleh keluarga berkenaan. Secara tidak langsung, tindakan ini dapat mengurangkan tekanan emosi yang dialami mereka. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, bagi kes penderaan yang boleh disabitkan dengan kesalahan jenayah, JKM akan merujuk kes tersebut kepada Polis DiRaja Malaysia (PDRM) untuk tindakan pendakwaan.



**PEMBER1TAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT. MALAYSIA**

**PERTANYAAN**

**DARI PAD A**                      **LISA**  
   **N**      **YB. Datuk Wira Ahmad**  
   **bin Haji Hamzah**

**TARIKH**                              **07.04.2010 (Rabu)**

**NO. SOALAN**                      **15**

**Datuk Wira Ahmad bin Haii Hamzah [ Jasin ] minta**  
**MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN**  
**INDUSTRI menyatakan apakah strategi yang menyeluruh**  
**dalam usaha untuk membangunkan industri makanan**  
**serta produk halal tempatan untuk bersaing di pasaran**  
**global.**

**JAWAPAN Tuan**

**yang dipertua,**

**Di bawah Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3), 11**  
**strategi teras telah dikenalpasti untuk pembangunan**  
**Industri Halal tempatan seperti berikut:**

1. **Meningkatkan Kesedaran Mengenai Malaysia Sebagai Pusat Produk dan Perkhidmatan Halal.**

Antara inisiatif yang telah dijalankan di bawah strategi teras ini ialah dengan menjadikan Malaysia sebagai pusat rujukan bagi perdagangan dan pelaburan produk halal melalui penganjuran Malaysia International Halal Showcase (MIHAS).

2. **Menquruskan Persaingan Serantau Yang Meningkatkan.**

Menyedari persaingan hebat dalam produk dan perkhidmatan halal, beberapa usaha telah dijalankan bagi membolehkan Malaysia terus kekal dan berdaya saing samada dari segi standard dan juga kemudahan infrastrukturnya. Langkah-langkah ini diambil bagi meningkatkan kelebihan persaingan melalui kerjasama pelbagai Negara seperti Indonesia-Malaysia-Thailand growth Triangle (IMT- GT) dan juga bagi membolehkan pengeluar produk halal kecil dan sederhana dapat diintegrasikan ke dalam jaringan pengeluar global.

. **Menqguna Kelebihan Pelaburan Keluar Untuk**



**Mendapatkan Akses Bahan Mentah dan Meningkatkan Daya Saing.**

Usaha-usaha perlu dijalankan bagi mengatasi kekangan akibat kekurangan bahan mentah yang boleh mengundang ketidakpatuhan kepada Standard Halal Malaysia oleh pembekal luar negara. Antara langkah yang dapat diambil adalah seperti menggalakkan kerjasama strategik dengan syarikat luar negara yang membekalkan bahan mentah ini. Institusi kewangan juga digalakkan untuk menyokong inisiatif syarikat Malaysia yang membuat pelaburan baru di luar Negara. Bantuan juga diberikan bagi mengenal pasti bidang-bidang kerjasama yang lebih erat dan hubungan sinergi bagi pengeluar produk halal Malaysia yang menceburi pasaran luar negara.

4. **Meningkatkan Penyelidikan dan Pembangunan dan Menggunakan Kelebihan Kemajuan Teknologi.**

Untuk mendapat manfaat daripada perkembangan pasaran halal, industri ini disaran untuk mencapai tahap inovasi yang tinggi dalam pembangunan produk dan proses bagi kedua-dua industri makanan dan bukan makanan untuk menambah baik prestasi eksport dalam jangka masa panjang.

5. **Membangunkan Perkhidmatan Pematuhan Standard Halal.**

Pembangunan perkhidmatan pematuhan standard Halal merupakan keperluan dalam pembangunan industri produk halal. Perkhidmatan yang perlu dibangunkan ini termasuk pengendalian, penyimpanan, perkapalan, pengangkutan udara, pergudangan, pengangkutan jalan dan keperluan kontena dalam industri logistik. Kaedah bersesuaian perlu dikenalpasti bagi mengelakkan pencemaran produk halal oleh produk bukan halal semasa pengendaliannya.

6. **Mengguna dan Memanfaat Standard Halal Malaysia**

### **Untuk Membezakan Produk Halal Malaysia.**

Pada masa ini, tiada pusat rujukan bagi standard halal yang boleh diterima sebagai standard industri di peringkat global. Dalam hal ini, Malaysia mengambil langkah ke hadapan dengan membangunkan Standard Halal Malaysia. Jadi, adalah menjadi keutamaan pengeluar produk halal Malaysia memanfaatkan standard ini bagi membezakan produk mereka dengan produk yang dikeluarkan oleh pesaing lain. Selain itu, usaha sedang dijalankan untuk mempromosikan Standard Halal Malaysia termasuklah mendapatkan pengiktirafan dan penerimaan antarabangsa.

### **7. Memastikan Kualiti Produk dan Keselamatan Makanan.**

Pematuhan standard adalah amat penting bagi memastikan kecekapan, produktiviti dan daya saing perindustrian. Penggunaan Standard Halal Malaysia merupakan standard menyeluruh yang merangkumi keperluan Standard Halal, HACCP, GMP dan GHP.

**8. Pembangunan Taman Halal Yang Teratur.**

Tumpuan akan diberikan kepada pembangunan industri halal yang lebih bersepadu. Perkara ini melibatkan pembangunan secara tersusun seluruh rantai nilai. Usaha-usaha sedang dijalankan bagi mempromosikan taman halal ini sebagai zon bebas untuk menjadikan Malaysia sebagai pilihan lokasi pemindahan barangan halal. Ini akan dapat memberi faedah tambah dan menjadikan bahan mentah lebih mudah diperolehi oleh pekilang tempatan.

**9. Menqharmonikan Proses Pensijilan Halal.**

Negara-negara di rantau ini semakin berusaha meningkatkan promosi halal mereka sendiri. Untuk terus kekal dalam persaingan ini, proses pensijilan halal oleh agensi di peringkat Persekutuan dan Negeri akan diseragam dan diselaraskan. Antara langkah yang dilakukan termasuklah meningkatkan keupayaan agensi terlibat serta juruperiksa dan juruaudit.

**10. Meningkatkan Koordinasi Di Kalangan Agensi.**

Bagi menggalakkan pembangunan industri halal, koordinasi di antara jabatan kementerian dan agensi amat penting dan akan ditingkatkan. Antara agensi terlibat adalah seperti HDC, MO A, SME Corp., Standards Malaysia, MATRADE dan MITI.

**11. Mengukuhkan Keupayaan Institusi dan Sumber Manusia.**

Pembangunan dan peningkatan industri ini memerlukan keseimbangan dari segi pengetahuan dan kepakaran dalam pelbagai bidang selain daripada prinsip Islam. Bidang-bidang lain termasuk pembangunan sains dan teknologi khususnya mengenai sains makanan, biokimia, mikrobiologi, serta perniagaan dan pengurusan.

Tuan Yang Di Pertua,

Pelbagai usaha telah dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan untuk meneroka dan memperkukuhkan jaringan antarabangsa bagi produk dan perkhidmatan halal tempatan di pasaran global. Di antara langkah-langkah utama yang telah diambil oleh Kerajaan adalah menubuhkan *Halal Industry Development Corporation*

**iaitu HDC pada 18 September 2006 untuk memberikan tumpuan kepada pembangunan industri halal secara integrasi dan menyeluruh.**

**HDC juga telah menyediakan Pelan Induk Industri Halal Negara untuk memberikan satu halatuju bagi pembangunan industri halal di negara kita. Pelan ini merangkumi dua (2) objektif penting untuk menjadikan Malaysia sebagai**

- Pusat Rujukan Halal Global kepada pengetahuan asas Integriti Halal; dan**
- Pemimpin global kepada inovasi, pengeluaran dan perdagangan kepada sebilangan sektor berasaskan Halal.**

**Dalam usaha untuk membangunkan industri makanan serta produk halal tempatan untuk bersaing di pasaran global, HDC mendapat sokongan dan menyertai program-program anjuran Kementerian dan Agensi seperti Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) dan Perbadanan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE).**

**Dengan penglibatan secara bersama ini, program-program mempromosikan perdagangan dan pelaburan produk dan perkhidmatan halal serta program bina upaya dapat dilaksanakan secara bersepadu mengikut strategi yang telah ditetapkan di bawah Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3).**

**PERTANYAAN**  
**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**  
**DARI PAD A** **TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN 7**  
**TARIKH** **APRIL 2010 (RABU)**  
**SOALAN** **N0.16**

**Tuan Muhammad bin Husain [ Pasir Puteh ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan perkembangan cadangan sebuah university al-Quran di negara ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, Kerajaan tidak bercadang menambah bilangan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di negara ini. IPTA sememangnya telah menawarkan beberapa program yang merangkumi bidang pengajian Al-Quran, antaranya ialah:-

- i. Sarjana Muda Usuluddin (Al-Quran dan Al-Hadith) oleh Universiti Malaya (UM);
- ii. Sarjana Muda Pengajian Islam dengan Kepujian (Pengajian Al- Quran dan As-sunnah) oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM);



- iii. Sarjana Muda Ilmu Wahyu dan Warisan Islam (Pengajian Quran dan Sunnah) oleh Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM); dan
- iv. Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah dengan Kepujian oleh Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Kementerian ada menerima permohonan untuk mewujudkan Kolej Universiti Al-Quran, walau bagaimanapun ianya masih diperingkat perbincangan. Pada masa ini, sudah terdapat IPTS yang memberi fokus kepada pengajian Islam dan Al-Quran, iaitu antaranya Kolej Darul Al-Hikmah Selangor, Kolej Universiti INSANIAH (KUIN),Kedah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), dan Al- Madinah International University (MEDIU).

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA PARLIMEN  
KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN	JAWAB LISAN
DARI PADA	YB TUAN SALLEH BIN KALBI (SILAM)
TARIKH	7 APRIL 2010
SOALAN	17

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan adakah Kementerian bercadang dalam RMK- 10 untuk membina Pusat Latihan Kemas khususnya di Sabah kerana rakyat di Sabah serta juga di Sarawak telah jauh ketinggalan dalam pelbagai aspek pembangunan, pemikiran, latihan dan sebagainya. Jika ada, di manakah lokasinya.

r

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melalui Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) sememangnya bercadang untuk membina Pusat Latihan KEMAS (PLK) di Penampang, Sabah dan Kota Samarahan, Sarawak. Perkara ini telahpun dimasukkan dalam RMK-10 untuk pelaksanaannya.

Kementerian melalui KEMAS juga adalah bertanggungjawab kepada pembangunan modal insane masyarakat luar Bandar. Sebagai contoh, KEMAS adalah bertanggungjawab memberi latihan kepada masyarakat luar Bandar dalam kemahiran jahitan, masakan, kraftangan dan dandanan diri. Sebanyak 972 buah kelas jahitan, 71 buah pusat masakan dan 24 buah kelas dandanan diri di seluruh negara. KEMAS juga menyediakan Pusat Sumber di kampung-kampung untuk kemudahan dan sebanyak 289 buah diseluruh Malaysia. KEMAS telah melaksanakan sebanyak 1553 pogram mesra rakyat diseluruh Negara pada tahun 2009 dan Kerajaan telah memperuntukan sebanyak RM3.5 juta untuk tujuan ini. Program Mesra Rakyat yang dilaksanakan oleh KEMAS adalah seperti gotong royong kampung, kembara GDW,

kenduri kampung dan program kecergasan warga desa. KEMAS juga menyediakan bantuan kewangan kepada Pengusaha luar bandar yang berpotensi dan bantuan ini dikenali sebagai Bantuan Ekonomi Kampung (BEK).

## SOALAN 18

### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN**                      **LISAN**

**DARI PADA**

**DR. LO' LO' BINTI  
MOHAMAD GHAZALI  
[TITIWANGSA]**

**TARIKH**

**7 APRIL 2010**

**SOALAN**

**Meminta MENTERI PELANCONGAN  
menyatakan:**

sama ada pemantauan ada dibuat terhadap prosedur-prosedur keselamatan pelancong yang menggunakan perkhidmatan feri, bot-bot kecil untuk ke pulau-pulau dan peralatan rekreasi seperti jet ski dan sebagainya.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pemantauan terhadap prosedur-prosedur keselamatan pelancong yang menggunakan perkhidmatan feri, bot-bot kecil dan peralatan rekreasi seperti *jet ski* sememangnya telah dilakukan dari masa ke semasa oleh Jabatan Laut Malaysia sebagai agensi penguatkuasa. Jabatan Laut Malaysia yang turut dibantu oleh Pihak Berkuasa Tempatan akan memastikan prosedur-prosedur keselamatan dipatuhi sebelum lesen dikeluarkan bagi perkhidmatan tersebut.

**Soalan No : 19**

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA PARLIMEN  
KEDUABELAS PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MALAYSIA**

PERTANYAAN :JAWAB LISAN

DARI PAD A

:YB DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE

(TENGGAH)

TARIKH

7 APRIL 2010

SOALAN

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan mengenai Elaun Ketua Kampung sebanyak RM500 sebulan dan Elaun Kerja Luar Mukim sebanyak RM150 sebulan yang ditetapkan sekarang. Adakah Kerajaan bercadang untuk menaikkan elaun-elaun bersesuaian dengan tugas, peranan dan tanggungjawab ketua-ketua kampung dan penghulu yang semakin mencabar pada masa kini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang DiPertua,**

Kerajaan Pusat amat prihatin dengan kepentingan dan peranan yang dimainkan oleh Ketua-ketua kampung dalam menghadapi cabaran tugas-tugas yang dipikul di peringkat akar umbi.

Usaha menyelaraskan elaun ketua kampung di seluruh negara telah bermula semenjak tahun 2000 apabila Kementerian Kewangan

meluluskan cadangan Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri supaya kadar minimum elaun ketua kampung ditetapkan sebanyak RM150 sebulan. Keputusan ini telah dimaklumkan kepada kerajaan-kerajaan negeri oleh Kementerian Kewangan pada 26 Ogos 2000 untuk diterima pakai oleh semua negeri. Walau bagaimanapun, masalah perbezaan kadar elaun ketua kampung di antara satu negeri dengan negeri yang lain masih berlanjutan.

Jemaah Menteri pada mesyuarat bertarikh 1 Mac 2006, telah bersetuju menyelaraskan elaun bagi semua ketua kampung kepada RM450 sebulan. Kadar elaun tertinggi pada ketika itu adalah RM450 sebulan (Labuan) dan kadar terendah sebanyak RM50 sebulan (Negeri Perlis). Kadar elaun minimum sebanyak RM450 sebulan atau RM5,400 setahun dibiayai bersama oleh Kerajaan Persekutuan dengan jumlah sebanyak RM400 sebulan dan kerajaan negeri pula sebanyak RM50 sebulan. Walau bagaimanapun, kerajaan negeri tidak dihalang untuk memberi tambahan elaun kepada Ketua Kampung seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Tenggara.

Memandangkan elaun berkenaan baru diselaraskan dalam tahun 2006, Kerajaan buat masa ini belum bercadang untuk menambah ataupun menaikkan kadar elaun-elaun ini.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA PARLIMEN  
KEDUA BELAS (2010)**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>TARIKH</b>	<b>7 April 2010 [Rabu]</b>
<b>DARI PADA</b>	<b>Tuan Haji Ab Aziz bin Ab Kadir [ Ketereh ]</b>

**SOALAN**



NO. SOALAN : 3-0

**YB Tuan Haji Ab Aziz bin Ab Kadir [ Ketereh ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah nilai jumlah kerugian Tabung Haji dalam pelaburan saham di Bursa Saham Kuala Lumpur. Senaraikan anak syarikat yang terlibat dan apakah langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil bagi mengatasi atau memulihkan kerugian tersebut.

**JAWAPAN :** (YB Mejar Jeneral Da to' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri)

Tuan Yang Dipertua,

Lembaga Tabung Haji (**TH**) melabur dalam pelbagai bidang dan sektor meliputi saham ekuiti, hartanah serta instrumen kewangan yang berlandaskan Syariah. Pelaburan saham tersenarai adalah di dalam syarikat-syarikat yang patuh syariah, berdaya saing, berisiko terkawal serta berpotensi memberikan pulangan yang kompetitif.

Secara keseluruhannya, pelaburan di pasaran saham menguntungkan, di mana **TH** telah mencatat keuntungan sebanyak **RM1.03 billion** hasil daripada penjualan saham dan pulangan dividen untuk tahun 2008. Pelaburan dalam saham tersenarai merupakan 43% dari jumlah aset **TH** bagi tahun 2009.

Tiga anak syarikat **TH** yang tersenarai adalah TH Plantations Berhad, BIMB Holdings Bhd dan Lityan Holdings Berhad. Ketiga-tiga anak syarikat telah mencatatkan keuntungan dari segi operasi

dimana bagi tahun kewangan berakhir 2008 TH Plantations Berhad mencatatkan keuntungan RM83.4 juta, BIMB Holdings Bhd mencatatkan keuntungan RM110.0juta. Lityan Holdings Berhad telah distruktur semula pada tahun 2008 dan disenaraikan semula pada 30 Oktober 2009, keuntungan pada tahun kewangan berakhir 2009 (belum diaudit) adalah RM 104.5 juta. Pelaburan **TH** tidak terkecuali daripada kesan turun naik nilai pasaran di Bursa Saham Kuala Lumpur. Sebarang kejatuhan harga saham dalam portfolio pelaburan **TH** adalah berbentuk 'kerugian tidak nyata' dan bersifat sementara. **TH** akan senantiasa memantau operasi anak syarikat melalui wakil **TH** sebagai ahli lembaga pengarah dan perjumpaan dengan pengurusan tertinggi syarikat.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN NO : 21**  
**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN**  
**OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN**  
**MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARI PADA DATO<sup>1</sup> LILAH BIN YASIN**  
**[JEMPOL]**  
**TARIKH 7 APRIL 2010**  
**SOALAN**

**Dato' Lilah bin Yasin [ Jempol ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan

- (a) berapakah jumlah kekurangan doktor dan pegawai sokongan di Hospital Jempol; dan
- (b) apakah usaha Kementerian bagi mengatasi masalah ini.

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Sehingga 30 Mac 2010, terdapat sejumlah 238 jawatan di Hospital Jempol dan daripada jumlah tersebut, seramai 202 orang (85%) kakitangan perubatan telah mengisi jawatan berkenaan. Bagi jawatan Pegawai Perubatan, daripada 17 jawatan yang diwujudkan, sebanyak 7 jawatan (41%) telah diisi.

Berdasarkan kedudukan pengisian jawatan di atas dan Kadar Penggunaan Katil (BOR) Hospital Jempol iaitu kira-kira 33.06% dalam tahun 2009, maka hospital ini tidak mengalami masalah kekurangan Pegawai Perubatan dan kakitangan perubatan yang serius.

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Untuk makluman, masalah kekurangan Pegawai Perubatan merupakan satu masalah nasional yang berlaku di seluruh negara. Masalah kekurangan Pegawai Perubatan berpunca daripada kekurangan pengeluaran graduan dalam bidang perubatan.

Kerajaan telah berusaha untuk mengatasi masalah ini dengan meningkatkan kapasiti pengeluaran graduan dalam bidang perubatan. Hal ini telah menunjukkan perkembangan positif di mana terdapat peningkatan ketara bilangan graduan perubatan yang dihasilkan oleh IPTA, IPTS dan IPT daripada luar negara. Sebagai contoh, dalam tahun 2006, jumlah graduan perubatan yang dihasilkan adalah seramai 1,124 orang dan jumlah ini telah meningkat kepada lebih 3,000 orang dalam tahun 2009.

KK/BP(1.10)294/6-73 SJ.B/(72)

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA  
DR. HAJI DZULKEFLY AHMAD (**  
**KUALA SELANGOR)**

**DARIPADA**

**PERTANYAAN :**      **MULUT**

**TARIKH**              **07.04.2010**

**SOALAN NO**         **22**

**Dr. Haji Dzulkefly Ahmad (Kuala Selangor)** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah sebabnya syarikat pengurup wang atau money changer yang tidak ada lesen untuk menghantar wang atau melakukan 'remittance of funds' khususnya ke luar negara dengan jumlah yang agak besar, sangat disukai oleh golongan VIP meskipun banyak terdapat institusi-institusi kewangan yang dilesenkan untuk penghantaran terdapat secara sah atau legal.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi kertas-kertas siasatan yang dibuka dari tahun 2006 sehingga kini, pelbagai tindakan di bawah Akta Pengurupan Wang 1998 (Akta) telah diambil ke atas pengurup-pengurup wang berlesen yang melanggar peruntukan Akta seperti

pembatalan lesen, pengenaan kompaun oleh Bank Negara Malaysia dan tindakan denda oleh mahkamah. Amaran juga dikeluarkan kepada pengurup wang berlesen yang berkenaan supaya kesalahan serupa tidak berulang.

2. Sehingga kini, pihak Bank Negara Malaysia telah membatalkan 44 lesen pengurup wang yang telah disabitkan dengan pelbagai kesalahan berkaitan pengiriman dana ke luar negara atau kesalahan lain di bawah Akta. Kertas-kertas siasatan yang dibuka pada tahun 2008 dan 2009 mengenai pengiriman dana ke luar negara oleh pengurup wang berlesen yang disyaki melanggar seksyen 30 Akta masih dalam pelbagai peringkat siasatan dan maklumat mengenai siasatan tersebut adalah sulit. Sekiranya pengurup wang berlesen didapati melanggar peruntukan akta lain yang di luar bidang kuasa pihak Bank Negara Malaysia, hasil siasatan akan dipanjangkan kepada agensi-agensi penguatkuasaan yang berkenaan untuk tindakan selanjutnya.

3. Bank Negara Malaysia boleh mengambil tindakan undang-undang ke atas mana-mana pengirim dana yang membuat penghantaran dana ke luar negara secara haram di bawah Akta yang jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100 ribu. Sekiranya hasil siasatan pihak Bank Negara Malaysia mendapati pengiriman dana itu melibatkan aktiviti pengubahan wang haram atau pembiayaan keganasan, pengirim dana itu juga boleh diambil tindakan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan



Pembiayaan Keganasan 2001 yang jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM5 juta atau dihukum penjara tidak melebihi 5 tahun ataupun kedua-duanya sekali.

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI**

**[ LEDANG ]**

**TARIKH 7 APRIL 2010 (RABU)**

**SOALAN**

Ir. Haji Hamim Bin Samuri [ Ledang ] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan tentang mutu filem tempatan dan filem luar serta kesan kepada rakyat Malaysia seperti nilai budaya, keganasan, melawan ibu bapa dan lain- lain nilai hidup yang bertentangan dengan persekitaran negara ini.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ini melalui FINAS sentiasa berusaha untuk membantu industri filem tempatan supaya filem-filem yang dihasilkan adalah berkualiti dan memberi impak yang positif kepada khalayak khususnya generasi muda dan tidak bertentangan dengan nilai budaya tempatan.

Kualiti filem-filem tempatan telah meningkat sejak tahun 2006.



Peningkatan adalah berdasarkan kepada jumlah kutipan tiket dan kehadiran penonton bagi filem-filem tempatan sehingga tahun 2009.

Kesan filem kepada rakyat Malaysia seperti nilai budaya, keganasan, melawan ibu bapa dan lain-lain nilai hidup yang bertentangan dengan persekitaran negara ini telah dapat dikurangkan melalui Akta Penapisan Filem 2002 (Akta 620) di bawah Kementerian Dalam Negeri. Melalui Akta tersebut, semua filem dan bahan publisiti filem yang dibuat, dikeluarkan, dimiliki, dijaga, dikawal, di tayang, di pameran, di edar, disewa atau dijual di Malaysia telah ditapis dan diluluskan oleh Bahagian Kawalan Penapisan Filem dan Penguatkuasaan, Kementerian Dalam Negeri.

Akta Penapisan Filem 2002 (Akta 620) juga diguna pakai bersama Garis Panduan Penapisan Filem yang memberikan fokus kepada 4 aspek penting yang perlu diambil kira di dalam pembuatan filem, iaitu keselamatan dan ketenteraman awam; keagamaan; sosiobudaya; dan

ketertiban dan ketatasusilaan. Garis Panduan ini juga bertujuan untuk menggalakkan pembinaan jati diri bangsa, nilai-nilai murni dan amalan baik masyarakat melalui filem.

**DARIPADA**                      **Y.B. TUAN MOHSIN FADZLIHJ SAMSURI**

**TARIKH**                        **7 APRIL 2010**

**SOALAN:**

**YB Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [ Bagan Serai ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan: (a) menyenaraikan Projek NCIA khususnya di daerah Krian dan sejauh manakah pencapaiannya dan berapakah kos untuk mengendalikannya; dan (b)apakah rasionalnya tanah seluas 100 ekar milik NBBC (National Boer Breeding Centre) diserahkan kepada NCIA.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bagan Serai, Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) sedang melaksanakan 10 projek dan program di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) di Negeri Perak Darul Ridzuan dan 3 daripada program-program tersebut dilaksanakan di Daerah Kerian dengan keseluruhan kos pengendalian berjumlah **RM21.68 juta**. Program-program tersebut adalah;

**NO. SOALAN: 24**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
PERTANYAAN :LISAN**

I

- i. Program Meningkatkan Hasil Padi (SawahKU Maju);
- ii. Program Menaik Taraf Skim Pengairan Kawasan Padi Luar MADA; dan
- iii. Pusat Sumber Digital (Program ciTaKU Labs).

Program-program ini sedang dalam pelbagai peringkat pelaksanaan.

Tuan Yang di-Pertua,

- b) Mengenai isu tanah seluas 100 ekar milik National Boer Breeding Centre (NBBC), untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bagan Serai, NCIA telah menandatangani satu Memorandum Persefahaman (MOU) dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar pada 6 April 2009 untuk bekerjasama dalam Projek Pusat Pembiakan Kambing Boer Nasional NBBC di Pondok Tanjung, Selama, Perak. Kerjasama yang diwujudkan termasuklah untuk menggunakan tanah seluas 1,000 ekar selama 10 tahun dan bukannya 100 ekar, tetapi ianya tidak melibatkan penyerahan hak milik tanah NBBC kepada pihak NCIA. Sebaliknya, ia hanyalah kebenaran menggunakan tanah tersebut untuk projek penghasilan baka kambing boer di ladang nukleus dan pengganda.



**Soalan No. :**

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA, PARLIMEN KEDUA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>JAWAB LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>Y.B. DATUK RAIME BIN UNGGI (TENOM)</b>
<b>TARIKH</b>	<b>07 APRIL 2010</b>
<b>SOALAN</b>	<b>03</b>

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan senarai projek-projek pembangunan ekonomi yang telah dilaksanakan di negeri Sabah khususnya di Tenom sejak tahun 2000.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian telah melaksanakan pelbagai program untuk membangunkan ekonomi masyarakat di luar bandar termasuk di kawasan Tenom, Sabah. Program pembangunan ekonomi Kementerian menjurus kepada 3 program utama iaitu:

(1) Pembangunan Usahawan;

- (2) Pembangunan Tanah dan Wilayah; dan
- (3) Pembangunan Bersepadu Berkonsepkan Agropolitan.

Bagi kawasan Tenom, Kementerian telah melaksanakan Projek Sokongan dan Prasarana Perniagaan di bawah Program Pembangunan Usahawan. Sehingga kini, 3 premis perniagaan telah didirikan iaitu:

- a. Gerai Perniagaan di Kampung Kuala Tomani, Daerah Kecil Kemabong, Tenom, Sabah;**
- b. Gerai Perniagaan di Kg. Kebulu Pekan Sook, Sabah; dan** **Ger**
- c. Gerai Perniagaan di Tulid Station, Pekan Sook, Sabah.** **Ger**

Aktiviti ekonomi hanya dapat dipertingkatkan dengan adanya pembangunan infrastruktur asas dan pembangunan sosio-ekonomi yang baik. Menyedari hakikat itu, pihak Kementerian juga telah memperuntukkan sebanyak RM31.69 juta dalam RMKe-9 bagi meningkatkan kemudahan infrastruktur asas seperti jalan luar bandar, bekalan air serta bekalan elektrik di kawasan Tenom.

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA TUAN GWO-BURNE LOH**

**[ KELANA JAYA ]**

**TARIKH 7 APRIL 2010 (RABU)**

**SOALAN NO: 27**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**SOALAN**

Tuan Gwo-Burne Loh [ Kelana Jaya ] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan alasan mengarahkan pengawal **ASWARA** mengunci Panggung Eksperimen tanpa notis pada 5 Februari 2010 ketika pementasan teater **TANDA** sedang berlangsung sungguhpun kebenaran sudahpun diberi.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Rektor **ASWARA** tidak mengeluarkan arahan mengunci Panggung Eksperimen pada 5 Februari 2010 (Jumaat). Sebaliknya, beliau telah membatalkan pementasan teater **TANDA** yang akan dipentaskan pada jam 8:30 malam tersebut kerana tidak mematuhi peraturan

**SOALAN NO: 27**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

yang ditetapkan. Pihak ASWARA telah mendapati bahawa teater tersebut mempunyai adegan kurang sopan dan tidak sesuai dipentaskan di khalayak terutama produksi teater TANDA dinasihatkan untuk membuat permohonan baru.

Keputusan membatalkan pementasan teater TANDA adalah atas alasan berikut:-

- (i) Terdapat adegan kurang sopan dan tidak sesuai dipentaskan di khalayak terutama Panggung Eksperimen ASWARA merupakan sebuah kemudahan di premis institusi pengajian tinggi kerajaan.
- (ii) Produksi teater TANDA tiada mendapat kelulusan dari Pihak Berkuasa Tempatan (Dewan Bandaraya Kuala Lumpur) untuk mengadakan pementasan teater mahupun kelulusan pementasan yang mengenakan bayaran masuk atau bertiket.
- (iii) Terdapat unsur-unsur penipuan oleh pihak produksi teater dimana mereka menggunakan kepala surat rasmi PERSATUAN ALUMNI ASWARA tanpa kebenaran mahupun pengetahuan Persatuan.

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG  
[ SIBUTI ]**

**TARIKH 7 APRIL 2010 (RABU)**



## **SOALAN**

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [ Sibuti ] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan adakah pada tahun 2010 kawasan Parlimen Sibuti akan diberi peruntukan untuk mendapatkan Pusat Jalur Lebar Komuniti. Jika ya, bilakah projek tersebut akan dimulakan.**

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Sehingga akhir 2009, Negeri Sarawak mempunyai 32 kawasan Pemberian Perkhidmatan Sejagat (USP) di mana 19 buah daerah telah dibangunkan dengan Projek Pusat Jalur Lebar Komuniti (PJK). Ia dimulakan dengan fasa rintis di Daerah Simunjan pada tahun 2007 dan diikuti dengan 18 daerah yang dibangunkan melalui fasa 1 (2008) dan fasa 2 (2009).**

Kawasan Parlimen Sibuti yang terletak di dalam daerah Miri merupakan salah satu kawasan sasaran untuk projek USP. Pembangunan projek PJK di kawasan Sibuti adalah termasuk dalam perancangan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM). Pembangunan Projek PJK ini telah diluluskan dan pihak SKMM kini sedang dalam proses melantik syarikat pemberi perkhidmatan sejagat

**SOALAN NO: 29**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

untuk melaksanakan projek tersebut. Dijangkakan pelaksanaan PJK di kawasan Parlimen Sibuti dimulakan sebelum akhir 2010.

KK/BP(1.10)294/6-73 SJ.B/(72)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA**                      **TUAN CHARLES ANTHONY A/L  
R.SANTIAGO ( KLANG )**

**PERTANYAAN :**                **MULUT**

**TARIKH**                        **07.04.2010**

**SOALAN NO**                    **28**

Tuan        **Charles        Anthony a/l R. Santiago ( Klang )** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan cadang supaya analisa cost-benefit GST dan laporan lain GST dimaklumkan kepada rakyat. Beberapa perunding digunakan dan berapakah pembayaran dibuat untuk setiap perunding.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sebenarnya telahpun memaklumkan analisa dan laporan kajian impak sosial pelaksanaan GST kepada rakyat di dalam program-program kesedaran GST yang sedang dijalankan di seluruh negara.

2. Dalam menjalankan kajian pelaksanaan GST, Kerajaan telah melantik dua syarikat perunding dengan jumlah pembayaran kepada kedua-dua syarikat tersebut masing-masing sebanyak RM506,500 dan RM99,000.

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN**                      LISAN

**DARIPADA**                      DATO' SHAMSUL ANUAR BIN NASARAH

[ LENGGONG ]

**TARIKH**                          7APRIL 2010

**SOALAN**

**Dato' Shamsul Anuar bin Nasarah [ Lenggong ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan

- (a) Langkah yang diambil bagi mengatasi masalah banjir di Kawasan Lenggong dan bilakah Projek Tambatan Banjir Daerah Lenggong akan dilaksanakan; dan
- (b) Apakah langkah-langkah Kementerian dalam menghadapi kemungkinan bencana banjir ketika perubahan cuaca tidak menentu sekarang.

**SOALAN NO.: 29**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, untuk mengatasi masalah banjir di daerah kecil Lenggong secara menyeluruh pihak Kementerian melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah membuat perancangan untuk menjalankan kerja-kerja tebatan banjir untuk Sungai Temelong, Sungai Nerok dan Sungai Lenggong.

Dalam hubungan ini, satu cadangan rekabentuk lencongan Sungai Lenggong telah disiapkan oleh Perunding yang dilantik oleh JPS Negeri Perak. Selain itu, pihak JPS juga sedang bekerjasama dengan Pejabat Daerah berhubung status tanah laluan lencongan tersebut.

JPS telah memohon peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) untuk melaksanakan projek-projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) sungai-sungai utama di Daerah Kecil Lenggong.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kerajaan sentiasa mengambil kira kesan perubahan iklim dalam perancangan dan pelaksanaan projek-projek pembangunan termasuk projek tebatan banjir.

Dalam hubungan ini, Kementerian melalui Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) telah melaksanakan kajian impak perubahan iklim ke atas hidrologi dan sumber air bagi Semenanjung Malaysia (2002-2006). Kajian ini telah menghasilkan data unjuran hidroiklim (hydroclimate projection), iaitu, ciri-ciri bagi hujan, aliran sungai dan suhu permukaan pada setiap grid 9 km bagi tempoh 2025-2050.

Selain itu, kajian yang sama sedang dilaksanakan untuk Sarawak dan Sabah bermula pada 2007 dan dijangka siap pada hujung tahun 2010.

Kajian-kajian kesan perubahan iklim yang lain ke atas regim hidrologi termasuk kajian *Climate Change Factor for Design Floods in Malaysia (2010)* juga sedang dijalankan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9).

Di samping itu, kesan perubahan iklim terhadap struktur dan infrastruktur banjir sediaada sentiasa dipantau dan pengubahsuaian rekabentuk infrastruktur air

seperi tebatan banjir akan dijalankan sekiranya perlu. Pada masa yang sama, bagi pelaksanaan projek-projek tebatan banjir yang baru, peningkatan nilai hujan tadahan dan aliran banjir yang dijangkakan akan diambil kira khususnya dalam peringkat perancangan dan rekabentuk projek-projek tersebut.

Sekian, terima kasih.





PERTANYAAN                      JAWAB LISAN  
DARIPADA                          PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI  
PEMBERITAHAUAN KEPERTUAN DEWAN RAKYAT  
TARIKH                               7 APRIL 2010 (RABU)

### **SOALAN**

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [ Ampang ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan peranan khusus yang dimainkan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia dalam pentadbiran dan program kompleks PERMATA Pintar Negara.

### **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program PERMATA adalah merangkumi empat program iaitu PERMATA Negara, PERMATA Pintar, PERMATA Seni dan PERMATA Insan. Program PERMATApintar adalah bertujuan untuk mengenai pasti pelajar pintar, cerdas dan berbakat seawal mungkin supaya potensi dan kebolehan mereka dapat dibangunkan secara optimum.

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) adalah merupakan pelaksana program PERMATApintar. Pentadbiran program diletakkan di bawah

Pusat PERMATApintar Negara, Fakulti Pendidikan, UKM yang diketuai oleh seorang pengarah dan UKM menyumbang kepakaran dan tempat untuk pelaksanaan program tersebut. Seramai 14 orang pensyarah juga telah dilatih di Universiti Johns Hopkins bagi pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran program pelajar pintar cerdas.

Keseluruhan program PERMATApintar telah didaftarkan di bawah Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi, UKM sebagai satu projek penyelidikan. Hasil penyelidikan yang diperolehi digunakan bagi penambahbaikan program dan dikongsi dengan Kementerian Pelajaran Malaysia serta agensi-agensi lain yang berkaitan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI  
KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN :** LISAN  
**DARIPADA** DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN  
OSMAN  
[LIPIS]  
**TARIKH** 7 APRIL 2010  
**SOALAN**

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum Bin Osman (Lipis)** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh mana kaedah rawatan alternatif penagih dadah digunakan oleh Kementerian untuk merawat penagih di negara ini.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesehatan telah mengambil langkah alternatif di dalam rawatan penagihan dadah dengan menggunakan kaedah rawatan terapi gantian dengan Metadon (MMT). Rawatan terapi gantian dengan Metadon (MMT) telah dilaksanakan pada Oktober 2005 dengan tujuan utama untuk mengurangkan risiko jangkitan HIV/AIDS dan lain-lain penyakit seperti Hepatitis B dan C. Terapi ini mampu merawat tanda - tanda penarikan dan ketagihan terhadap opiate dan seterusnya meningkatkan kualiti hidup serta status kesihatan pesakit menggunakan metadon sebagai gantian dadah yang berbahaya

[

seperti heroin dan morfin bagi penagih dadah opiate tegar. Pesakit MMT (penagih dadah opiate) yang mendapatkan rawatan MMT diberikan metadon setiap hari di pusat rawatan MMT, di bawah pengawasan anggota kesihatan yang terlatih.

Sehingga Disember 2009, terdapat sejumlah 162 buah pusat perkhidmatan MMT yang terdiri daripada 35 buah hospital, 77 klinik kesihatan, 14 buah klinik swasta, 24 pusat khidmat Agensi AntiDadah Kebangsaan (AADK) dan 12 buah penjara telah melaksanakan program MMT. Seramai 10,730 orang pesakit (penagih dadah suntikan) telah mendapatkan rawatan terapi gantian dengan kadar pengekalan pesakit sebanyak 70%.

Program MMT ini telah menunjukkan perubahan positif ke atas pesakit di mana terdapat peningkatan dalam kualiti hidup pesakit. Peratus pesakit yang positif urin dadah opiate didapati menurun dari 45% pada awal kemasukan kepada 10% sebulan selepas mengikuti program berkenaan manakala peratus pesakit yang tidak bekerja telah menurun dari 14.8% kepada 8.7% selepas setahun mengikuti program ini manakala yang bekerja tetap meningkat dari 47.6% kepada 66.3%.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN  
OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN  
MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA DR. HAJI MOHDHAYATI BIN OTHMAN  
[PENDANG]  
TARIKH 7 APRIL 2010**

## **SOALAN**

**Dr. Haji Mohd Hayati Bin Othman [ Pendang ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa jumlah OSCC (*one stop crisis centre*) telah diwujudkan dan hasil yang rakyat peroleh daripada OSCC ini serta penyelesaian masalah yang boleh diperolehi daripadanya.

**Tuan Yang Di Pertua,**

Perkhidmatan Pusat Sehati Krisis telah dimulakan sejak tahun 1994 di Kementerian Kesihatan Malaysia. Sehingga kini terdapat sebanyak 102 buah hospital yang mempunyai bilik khusus (*dedicated room*) bagi pengendalian kes-kes seumpamanya. OSCC diwujudkan bertujuan untuk mengendalikan kes-kes keganasan rumahtangga, penderaan kanak-kanak dan kes-kes rogol dimana kes-kes ini memerlukan rawatan bersepadu serta kerahsiaan pesakit dan kesejahteraan pesakit akan terjamin.

Kementerian Kesihatan juga sentiasa berkerjasama rapat dengan agensi-agensi lain seperti PDRM, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Biro Bantuan Guaman, Jabatan Agama Islam dan badan-badan bukan kerajaan dalam pengendalian kes-kes ini. Di samping itu

**NO SOALAN:**

pakar-pakar seperti Pakar Kanak-Kanak , pakar Obstetrik Dan Ginekologi serta Pakar Kecemasan juga terlibat. Selain daripada rawatan perubatan, didapati pesakit-pesakit ini memerlukan penjagaan dan sokongan daripada agensi lain seperti yang telah dinyatakan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN**

**RAKYAT PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA: YB TUAN TENG BOON SOON**

**TARIKH : 7 APRIL 2010**

**SOALAN :**

**Tuan Teng Boon Soon [ Tebrau ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kriteria dan bidang tugas ahli panel penasihat SPRM dan apakah locus standi panel penasihat SPRM yang membuat ulasan terbuka kepada media mengenai kes yang sedang disiasat oleh SPRM dan menyebut nama tertentu kononnya akan disiasat. Adakah pandangan beliau mewakili pendirian SPRM.

**JAWAPAN**            **DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang DiPertua,

Saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan soalan YB Arau pada 8 April 2010 yang membuat pertanyaan yang sama.

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mempunyai lima mekanisme ***check and balance*** (dengan izin) dalam memastikan SPRM melaksanakan tanggungjawab dan peranan ditetapkan secara bebas, telus, berkesan dan profesional dalam menjalankan penyiasatan ke atas kes-kes rasuah. Untuk makluman YB, kelima-lima mekanisme tanggungjawab yang telah diwujudkan mempunyai terma-terma rujukan dan bidang kuasa yang khusus. Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah (LPPR) yang diwujudkan melalui Seksyen 13 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 berperanan untuk menasihati SPRM dalam menentukan dasar dan strategi SPRM yang digunakan untuk menangani rasuah di negara ini. Manakala itu, Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah (JKMR) berperanan untuk menasihati Perdana Menteri mengenai apa-apa masalah rasuah di Malaysia selain dari memeriksa laporan tahunan Suruhanjaya dan ulasan LPPR ke atas perjalanan SPRM. Jawatankuasa Aduan yang diwujudkan mengikut Seksyen 15 akta yang sama berperanan untuk memantau pengendalian aduan salah laku yang tidak bersifat jenayah oleh pegawai-pegawai Suruhanjaya disamping mengenalpasti apa-apa



kelemahan yang mungkin menimbulkan aduan serta membuat apa-apa syor tentang tatacara kerja Suruhanjaya yang difikirkan patut.

Panel Penilaian Operasi (PPO) yang diwujudkan bertujuan untuk menjamin ketelusan dan pertanggungjawaban yang jelas terhadap siasatan-siasatan yang dijalankan oleh SPRM. Manakala itu pembentukan Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah (PPPR) akan dapat menggalakan penglibatan khusus masyarakat dalam aktiviti dan program pencegahan jenayah rasuah dengan terancang dan berfokus.

Berdasarkan kepada terma rujukan setiap mekanisme tanggung jawab yang diwujudkan itu, mereka tidak mempunyai autoriti untuk membincangkan kes-kes siasatan SPRM secara terbuka apatah lagi kes-kes yang masih lagi dalam siasatan SPRM. Terdapat peruntukan yang jelas di bawah Seksyen 29 (4) Akta SPRM 2009 dimana sesuatu aduan tidak boleh didedahkan oleh mana-mana orang kepada mana-mana orang selain pegawai-pegawai Suruhanjaya dan Pendakwa Raya sehinggalah orang tertuduh dipertuduh di Mahkamah. Sebarang pendedahan hanya boleh dibuat dengan persetujuan Pendakwa Raya atau seorang pegawai Suruhanjaya yang berpangkat PeSuruhjaya dan yang lebih tinggi.

Oleh yang demikian sebarang kenyataan yang dibuat oleh mana-mana ahli berhubung dengan siasatan SPRM adalah dibuat atas kapasiti peribadi mereka sendiri atau dibuat oleh mana-mana mekanisme secara kolektif dan kenyataan tersebut tidak boleh dikaitkan dengan SPRM.



Pertanyaan                    PERTANYAAN JAWAB LISAN  
Daripada                    **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
   Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman  
**DEWAN RAKYAT**                    [ Pengkalan Chepa ]  
Tarikh                        7 April 2010 (Rabu)  
Soalan                        [ No.34 ]

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan secara terperinci perkembangan projek tanaman kenaf sehingga sekarang. Berapa luas kawasan yang telah ditanam, berapa ramai petani yang terlibat dan syarikat yang turut menjayakan projek ini.

#### JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2004, kawasan seluas

0. 7 hektar telah ditanam dengan kenaf oleh Lembaga Tembakau Negara (LTN) bagi memperkenalkan tanaman ini kepada para petani. Selanjutnya, dari tahun 2005 hingga 2009, seluas 1,817 hektar telah ditanam dengan tanaman kenaf melibatkan oleh 584 orang petani. Pengeluaran batang kenaf yang dihasilkan adalah kira-kira 7,500 tan.

Kempen penanaman kenaf kepada bekas penanam tembakau juga telah dijalankan melalui pemberian kemudahan penanaman seperti biji benih, baja, kemudahan perkhidmatan jentera untuk membajak dan menuai serta aktiviti pengembangan.

Bagi pembangunan industri kenaf di peringkat hiliran, Lembaga Tembakau Negara (LTN) telah bekerjasama dengan empat buah syarikat swasta yang terlibat dalam aktiviti pengeluaran produk berasaskan kenaf iaitu *fibre* kenaf, biokomposit, insulator kenaf dan *fibreboard* kenaf.

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA**

**DATO'SERI ONG KACHUAN  
[TANJONG MALIM]**

**TARIKH JAWAPAN  
DI DEWAN RAKYAT**

**7 APRIL 2010 (RABU)**

**SOALAN**

**NO. 35**

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan pelan tindakan yang terperinci dalam pelaksanaan Indeks Bangunan Hijau (Green Building Index (GBI) dan apakah kriteria yang akan diguna pakai dalam sistem rating GBI untuk bangunan komersial dan perumahan kediaman.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

*Green Building Index* (GBI) adalah alat penarafan bangunan yang

dibangunkan oleh para profesional industri binaan tempatan yang dilancarkan pada bulan Mei 2009. Sistem penarafan atau *rating system* tersebut memberi peluang kepada pemaju-pemaju dan pemilik bangunan untuk merekabentuk dan membina bangunan hijau.

Bangunan sedia ada pertama milik Kerajaan yang sedang diubahsuai (*retrofit*) supaya mendapat penarafan di bawah GBI ialah Bangunan Perdana Putra di Putrajaya. Projek pengubahsuaian tersebut dijadualkan siap pada hujung tahun ini. Langkah untuk mengubahsuai bangunan tersebut menunjukkan sokongan Kerajaan terhadap pembinaan bangunan hijau. Dengan adanya projek seumpama itu, Kerajaan berharap pihak swasta akan memahami matlamat pembinaan bangunan hijau dan akan membina lebih banyak bangunan hijau yang akhirnya akan memamatkan negara. Kesedaran orang ramai mengenai konsep bangunan hijau akan turut meningkat.

Penarafan bangunan menggunakan sistem *Green Building Index* adalah berdasarkan enam kriteria berikut, iaitu:

- i. Kecekapan tenaga (*energy efficiency*);
- ii. Kualiti persekitaran dalaman (*indoor environment quality*);
- iii. Perancangan dan pengurusan tapak yang mampan (*sustainable site planning and management*);
- iv. Sumber dan bahan (*material and resources*);



- v. Kecekapan air (*water efficiency*), dan
- vi. Inovasi (*innovation*)

Keenam-enam kriteria ini digunakan untuk menilai semua bangunan termasuk bangunan komersial dan rumah kediaman. Penilaian ke atas reka bentuk sesebuah bangunan akan menentukan sama ada sesuatu bangunan tersebut layak mendapat klasifikasi **GBi Certified**, sama ada **Silver**, **Gold** atau **Platinum**.

Di bawah Bajet 2010, Kerajaan telah memperkenalkan insentif-insentif untuk menggalakkan pembinaan bangunan berkonsepkan bangunan hijau. Insentif yang disediakan kepada pemilik bangunan adalah dalam bentuk pengecualian cukai pendapatan bersamaan perbelanjaan modal tambahan bagi memperoleh Sijil **Green Building Index** (GBI). Insentif kepada pembeli yang membeli bangunan dan rumah kediaman yang telah memperoleh Sijil GBI daripada pemaju hartanah adalah pengecualian duti setem ke atas surat cara pindah milik. Amaun pengecualian adalah bersamaan dengan kos tambahan bagi memperoleh sijil berkenaan.

\*\*\*\*\*

**NO. AUP : 3<S>**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**NO. AUM :30**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI [ GOMBAK ]**

**TARIKH 7 APRIL 2010**

**RUJUKAN 2454**

**SOALAN:**

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [ Gombak ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan Kerajaan untuk memerangi serta membasmi sindiket penyeludupan manusia (human Trafficking) yang menggunakan Malaysia sebagai negara transit.



Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Gombak yang telah mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, Kementerian mengambil maklum dan memandang serius akan kegiatan penyeludupan manusia yang menjadikan Malaysia sebagai negara transit.

Tidak dapat dinafikan bahawa perairan kita yang luas merupakan satu cabaran membanteras kegiatan ini. Namun demikian ini tidak akan melemahkan usaha Kerajaan dalam usaha ini. Justeru itu, pihak berkuasa mengambil langkah-langkah berikut:

1. Mempertingkatkan lagi pengawasan oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) dan Polis Marin secara lebih holistik supaya perairan negara tidak dapat dibolosi oleh anasir luar khususnya pendatang tanpa izin.
2. Pihak Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia telah mempertingkatkan kehadiran dan pemantauan di semua **“hot-spots”** yang digunakan untuk penyeludupan manusia

khususnya sepanjang pantai Barat Semenanjung dari Selatan Perak hingga timur Johor.

3. Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia juga sedang mengumpul maklumat mengenai tekong laut dan tekong darat dan akan bertindak sebaik sahaja pengumpulan maklumat selesai.
4. PDRM pula telah menubuhkan satu Task Force iaitu Pasukan Petugas Khas (Operasi/Anti Keganasan) termasuk menangani isu penyeludupan manusia.
5. Agensi penguatkuasa Maritim Malaysia, PDRM, JIM dan KDRM telah mewujudkan "**point of contact**" dengan pihak berkuasa Australia bagi memudahkan cara perkongsian maklumat dan aspek latihan.
6. PDRM dan Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia telah mewujudkan kerjasama antara agensi dengan Australia "**Border Protection Command**" pada awal tahun 2009 dalam usaha membanteras kejadian penyeludupan manusia melalui Malaysia, Indonesia ke Australia.
7. Memperkukuhkan kerjasama di antara agensi di Malaysia seperti PDRM, Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia, Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen, TLDM, Jabatan Laut, pihak berkuasa pelabuhan, kerajaan negeri dan juga pihak berkuasa tempatan.

8. Mengkaji keperluan sumber manusia bagi tugas penguatkuasaan;
9. Mempertingkatkan lagi keperluan logistik agensi-agensi penguatkuasaan terlibat seperti kapal dan bot ronda dan juga peralatan bagi menambah keberkesanan dalam tugas ini.
10. Majlis Antipemerdagangan Orang juga telah mengambil keputusan agar satu tindakan segera di ambil oleh Jawatankuasa Penguatkuasaan yang mana dipengerusikan oleh Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (PDRM) untuk memantau, dan mengambil tindakan terhadap kegiatan pemerdagangan dan penyeludupan manusia di pintu-pintu masuk darat dan udara serta sempadan perairan negara.
11. Kerjasama antara agensi penguat kuasa di peringkat antarabangsa dan serantau perlulah diperkukuhkan. Melalui kerjasama ini dapat diwujudkan perkongsian dan pertukaran maklumat dan risikan di antara agensi di Malaysia; dan juga di peringkat serantau dan antarabangsa. Ini dapat direalisasikan melalui forum seperti **General Border Committee (GBC)** antara Malaysia dan Thailand ; dan Indonesia; **Senior Officials Meeting on Transnational Crime**. Kuala Lumpur juga telah diberi kepercayaan untuk menjadi Sekretariat Aseanapol sebagai pusat sumber maklumat bagi pihak berkuasa negara-negara ASEAN tentang jenayah.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN**

**OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN  
MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA DATO' NORAINI BINTI AHMAD**  
**[PARIT SULONG]**  
**TARIKH 7 APRIL 2010**  
**SOALAN**

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah peranan Unit Kebajikan dan Unit Hasil di hospital-hospital Kerajaan dalam membantu rakyat yang tiada bukti pendapatan (evidence of income) mendapatkan rawatan perubatan dan pembedahan di hospital Kerajaan. Apakah Kementerian bersedia memberi keutamaan kepada rakyat tiada pendapatan tetap untuk mendapat rawatan di hospital Kerajaan selari dengan "rakyat didahulukan".

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian sentiasa bersedia memberi keutamaan kepada rakyat yang tiada pendapatan tetap untuk mendapat rawatan di hospital Kerajaan selari dengan "rakyat didahulukan". Peranan Unit Kebajikan dan Unit Hasil di hospital adalah untuk mengenal pasti pesakit miskin/tidak mampu yang boleh dipertimbangkan untuk diberikan pengecualian terhadap caj rawatan yang dikenakan di hospital Kerajaan. Sehubungan itu, Kementerian telah mengeluarkan satu garis panduan pemberian pengecualian kepada mana-mana orang yang mengisytiharkan dirinya

**NO SOALAN:**

**PEMBER1TAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

seorang miskin dari membayar kesemua atau sebahagian daripada caj bagi pesakit luar dan pesakit kelas tiga di bawah Perintah Fi (Perubatan) 1982. Dalam mempertimbangkan pemberian pengecualian tersebut, semua pegawai yang diberi kuasa boleh memberikan pengecualian kepada pesakit miskin yang ditakrifkan miskin dalam Panduan Pendapatan Garis Kemiskinan Malaysia, golongan yang menerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat, golongan yang mendapat bantuan fakir miskin, golongan yang menerima bantuan dari NGO yang berdaftar, pesakit yang mengemukakan surat pengesahan / surat sokongan daripada Wakil Rakyat / Penghulu / Ketua Kampung / Ketua Masyarakat yang mengesahkan pesakit adalah golongan miskin dan pesakit yang disahkan oleh Pegawai kerja Sosial Perubatan / Pegawai Kebajikan Masyarakat sebagai pesakit miskin.

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA: YB TUAN NGA KOR MING**

**TARIKH : 7 APRIL 2010**

**SOALAN : Tuan Nga Kor Ming [ Taiping ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan yang diambil ke atas laporan SPRM terhadap bekas Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Mohd Khir Toyo termasuk pembinaan mahligai kediaman beliau di Shah Alam dan apa kedudukan terkini siasatan.**

**JAWAPAN: Y.B. DATO\* SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang DiPertua,

Siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sepertimana yang telah dibangkitkan oleh YB Taiping masih lagi dijalankan. Kertas Siasatan akan dikemukakan kepada Timbalan Pendakwa Raya setelah siasatan selesai.

NO. AUM :27

DARIPADA DATO\* HAJI ISMAIL BIN HAJI MOHAMED SAID [  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN KU  
TARIKH DEWAN RAKYAT AL  
KRAU ] A  
RUJUKAN

PERTANYAAN : LISAN  
7 APRIL 2010

2453

Dato' Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said [ Kuala Krau ] minta  
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah kesan kepada  
keselamatan negara terhadap penangkapan 10 orang di bawah  
Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dan mereka ini dari negara  
mana.

**JAWAPAN : (Dijawab sebelumnya bersama soalan 2461 - Sri Gading)**

Tuan Yang Dipertua,

Izinkan saya menjawab soalan ini bersama soalan-soalan dari Yang Berhormat Sri Gading bertarikh 8 April 2010 kerana soalan-soalan tersebut adalah berkaitan antara satu sama lain. Saya mengucapkan terima kasih kepada ahli-ahli Yang Berhormat Kuala Krau dan Sri Gading yang telah mengemukakan soalan.

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa mengambil berat terhadap ancaman terhadap keselamatan negara yang datang dalam apa jua bentuk. Oleh itu, tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana pihak yang cuba menggugat keamanan, kemakmuran dan keharmonian rakyat negara ini.

Baru-baru ini, seramai sepuluh (10) orang telah ditahan bagi tujuan siasatan di bawah AKDN (ISA) dan mereka ini ditahan apabila siasatan pihak pihak polis mendapati mereka terlibat dalam kegiatan militan dan cuba mempengaruhi sebilangan rakyat Malaysia untuk berfahaman militan. Daripada jumlah tersebut, seorang (1) adalah warganegara Malaysia, seorang (1) warganegara Jordan, dua (2) orang warganegara Yemen, empat (4) orang warganegara Syria dan dua (2) warganegara Nigeria. Walaubagaimanapun, mereka akan dibebaskan sekiranya didapati pembabitan mereka tidak menjadi ancaman kepada keselamatan negara.



**DARIPADA:** LISAN Y.B. Tuan Haji Taib Azamudden bin Md Taib [ Baling ] 7  
**PERTANYAAN:** APRIL 2010

**TARIKH:** Tuan Haji Taib Azamudden bin Md Taib [ Baling ] minta **PERDANA**

**SOALAN:** **MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang dimainkan oleh pihak Kerajaan untuk mengatasi sensitiviti agama di negara ini di mana kebelakangan ini ternyata telah cuba ditimbulkan oleh sesetengah pihak.

**JAWAPAN: (YB Tan Sri Dr.Koh Tsu Koon)**

Walaupun negara kita adalah lebih aman dan damai berbanding dengan negara-negara majmuk yang lain, tetapi perbezaan dari segi kepelbagaian agama, budaya dan bahasa kadang-kala mencetuskan perselisihan serta sentimen agama dan perkauman yang berpotensi menjejaskan ketenteraman dan kestabilan masyarakat, sekiranya tidak diuruskan dan ditangani dengan baik.

Oleh itu, sejak kemerdekaan dan sepanjang proses pembinaan negara selama 53 tahun kebelakangan ini, pucuk pimpinan negara memang sangat sedar dan peka akan cabaran-cabaran untuk terus memupuk persefahaman dan keharmonian, mengurangkan pelbagai jurang antara kaum dan agama serta meredakan dan menyelesaikan sengketa yang timbul. Langkah-langkah yang telah dan akan terus diambil adalah seperti yang dirumuskan berikut.

Pertama, sentiasa memegang teguh Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara sebagai asas kenegaraan yang mengambil kira dan merangkumi hak-hak asas semua rakyat secara seimbang. Asas kenegaraan ini dijadikan sebagai rujukan untuk pengubalan dan pelaksanaan dasar-dasar dalam pelbagai bidang ekonomi, sosial, pendidikan serta diguna sebagai rujukan untuk penyelesaian sengketa melalui perundingan dan musyawarah secara jujur dengan hati yang terbuka.

**NO. SOALAN: 40**

Kedua, memperkenalkan dan melancarkan kempen pembaharuan dari masa ke semasa untuk memberi fokus sasaran dan dorongan kepada rakyat dalam proses pembinaan negara yang berterusan, seperti Wawasan 2020 pada tahun 1991 dan Gagasan 1 Malaysia mulai tahun sudah. Gagasan 1 Malaysia mengutamakan 'perpaduan dalam kepelbagaian' supaya rakyat bukan sahaja bertoleransi, tetapi menerima bahkan menghormati dan meraikan kepelbagaian budaya dan agama.

Ketiga, melaksanakan semua dasar dan program untuk rakyat dan kumpulan-kumpulan sasaran secara adil dan seimbang supaya dapat membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat untuk menggalakkan penyertaan semua kaum dalam semua bidang secara berkesan dan bermakna.

Keempat, menggubal, meminda dan melaksanakan secara adil undang-undang, segala peraturan dan garis panduan untuk menyelesaikan masalah-masalah yang bersabit dengan agama, seperti pembinaan dan pemindahan bangunan ibadat, perkahwinan campur, pertukaran agama, penggunaan istilah keagamaan yang tertentu dan sebagainya.

Kelima, menggalakkan interaksi, integrasi dan persefahaman antara kaum di tempat kerja, tempat belajar, tempat kediaman dan dalam pelbagai aktiviti sosial melalui program-program konkrit seperti Rukun Tetangga dalam kawasan-kawasan perumahan, Rancangan Integrasi Murid-Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) antara sekolah-sekolah rendah pelbagai aliran, Program Latihan Khidmat Negara untuk remaja serta pelbagai program interaksi untuk belia dan kaum wanita.

Keenam, mengwujudkan saluran dan mekanisma formal atau tidak formal di beberapa peringkat untuk menggalakkan wakil dari badan-badan kebudayaan dan agama untuk berhubung, bertukar fikiran dan mencapai persefahaman yang lebih mendalam dan kukuh supaya dapat menangani bersama secara berkesan isu-isu yang mungkin timbul

Ketujuh, meningkatkan keupayaan berkomunikasi dan berunding serta kemahiran mediasi di kalangan pemimpin masyarakat supaya mereka sanggup mententeramkan keadaan dan menyelesaikan sengketa, sekiranya timbul.

Kelapan, berusaha menyakinkan semua pemimpin politik dan masyarakat supaya mengelakkan kecenderungan untuk mempolitik dan mempolarisasikan isu-isu berkaitan dengan agama dan etnik, mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang menjejaskan kesensitifan dan keamanan, jikalau didapati perlu.

Kesembilan, sentiasa mengambil sikap yang positif dan membina, dengan penuh rendah hati serta mengamalkan pendekatan yang inklusif dalam sebarang usaha mengendali dan menguruskan isu-isu berkaitan hubungan antara agama dan etnik.

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA:** Y.B. TUAN CHUA TEE YONG

**TARIKH:** 7 APRIL 2010

**SOALAN:**

Y.B. Tuan Chua Tee Yong [ Labis ] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan adakah Kerajaan akan melaksanakan skim gaji minimum sejajar dengan usaha Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah ekonomi berpendapatan tinggi.

PR-1231-L35564

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Sumber Manusia (KSM) sentiasa terbuka dan sedang meneliti secara mendalam dan berhati-hati cadangan untuk mengadakan gaji minimum memandangkan terdapat dua (2) pandangan yang berbeza tentang perkara ini iaitu pertama pandangan yang menyokong dan kedua pandangan yang menentang pelaksanaan gaji minimum dengan hujah-hujah yang tertentu. Justeru, KSM berpandangan adalah wajar pandangan yang lebih menyeluruh daripada rakyat diperolehi terlebih dahulu supaya sebarang keputusan yang bakal diambil oleh Kerajaan akhirnya akan memberi manfaat kepada rakyat, para pelabur dan seterusnya memantapkan ekonomi negara. Untuk itu, KSM telah melancarkan satu blog iaitu [blog.mohr.gov.my](http://blog.mohr.gov.my) bagi mengumpul seberapa banyak pandangan, idea, cadangan dan komen daripada rakyat, untuk tempoh dua bulan mulai 24

**Mac 2010. Maklumat yang dikumpulkan akan dianalisis dan seterusnya dibawa kepada Kerajaan untuk pertimbangan dan keputusan.**

**NO.AUM : 27**

**NO. AUP : 4i2**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB  
LISAN  
DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>	
<b>DARIPADA</b>	<b>TUAN MANIKAVASAGAM SUNDARAM [KAPAR]</b>	<b>A/L</b>
<b>TARIKH</b>	<b>7 APRIL 2010</b>	
<b>RUJUKAN</b>	<b>2561</b>	

**SOALAN:**

**Tuan Manikavasagam A/L Sundaram [ Kapar ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapakah peratusan warga asing yang menjawat jawatan pengurusan, pemasaran, jualan dan khidmat pelanggan (Customer Service) di negara kita, berikan pecahan mengikut jenis jawatan dan negara asal.**

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat kerana bertanyakan soalan tersebut.

Untuk makluman ahli yang berhormat, jawatan yang dipegang oleh orang asing dalam bidang Pengurusan, Pemasaran, Perkhidmatan dan seumpamanya dikategorikan sebagai Pegawai Dagang. Statistik daripada Jabatan Imigresen Malaysia sehingga Januari 2010 menunjukkan bahawa jumlah Pegawai Dagang yang aktif mengikut 10 sektor utama iaitu Perkhidmatan, Pembuatan, Pendidikan, Petroleum, Pembinaan, Perdagangan, Pengangkutan, Sukan, Pertanian dan Perlombongan adalah berjumlah 31,784 orang. Soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat adalah merujuk kepada sektor Perkhidmatan dan Perdagangan. Berdasarkan rekod, sektor Perkhidmatan mencatatkan kemasukan Pegawai Dagang yang tertinggi iaitu berjumlah 21,504 orang manakala sektor Perdagangan pula seramai 440 orang.

Dari segi jumlah peratusan dan negara asal, sektor Perkhidmatan telah mencatatkan kemasukan Pegawai Dagang tertinggi daripada negara India iaitu seramai 4413 orang (20.52%), diikuti seramai 1250 orang (5.81%) daripada negara Indonesia, 1154 orang (5.36%) daripada negara Jepun dan seterusnya 1141 orang (5.30%) daripada negara China. Selebihnya berjumlah 13,546 orang ( 63%) adalah daripada lain- lain negara. Bagi sektor Perdagangan pula, statistik menunjukkan

kemasukan Pegawai Dagang tertinggi berjumlah 72 orang (16.40%) daripada negara Pakistan, 59 orang (13.40%) daripada negara Jepun, 47 orang (10.68%) daripada negara India, 32 orang (7.27%) daripada negara Singapura dan selebihnya berjumlah 230 orang (52.27%) adalah daripada lain-lain negara.

(Nota: Statistik penuh adalah seperti di Lampiran 1 dan Lampiran 2)

**NO. SOALAN : 43 PEMBERITAHUAN**

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA**

**YB PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH**

**[KUANTAN]**

**TARIKH**

**7 APRIL 2010**

**SOALAN**

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [ Kuantan ] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan peruntukan**

30 peratus perwakilan wanita dalam kabinet, barisan kepimpinan negara, agensi Kerajaan, calon yang bertanding dalam pilihan raya umum serta perwakilan di dalam Dewan Rakyat. Bilakah negara akan bersedia melaksanakannya.





**JAWAPAN: (DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ)**

Tuan Yang di-Pertua,

Ketika ini telah terdapat golongan wanita yang menjadi perwakilan dalam kabinet dan menjadi ketua agensi Kerajaan. Peruntukan khusus seperti yang dinyatakan secara tidak langsung menutup peluang kepada mereka yang berkelayakan. Kerajaan sentiasa akan memberikan peluang kepada golongan wanita dengan syarat mereka memenuhi kriteria yang diperlukan dalam memegang sesuatu jawatan. Faktor gender bukanlah faktor utama dalam menentukan penjawat sesuatu jawatan. Kemahiran dan kebolehan individu amat penting bagi memastikan kelangsungan sesebuah agensi dan jabatan.

Sekian, Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN**

**RAKYAT PERTANYAAN LISAN**

**DARIPADA**

**YB TUAN SALAHUDDIN BIN HAJIAYUB**

**NO. SOALAN : 44**

**[ KUBANG KERIAN ]**

**TARIKH                      7 APRIL 2010**

**SOALAN**

**Tuan Salahuddin bin Haji Ayub [ Kubang Kerian ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bersedia mengkaji semula hubungan Kerajaan Pusat dan negeri-negeri dalam Malaysia. Tidakkah sampai masanya hubungan ini dipertingkatkan bagi memenuhi semangat *federalisme*.

**JAWAPAN:      YB DATO' SERI MOHAMED NAZR1 BIN ABDUL AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Pusat tidak mempunyai masalah dengan sarangn untuk mengkaji semula hubungan Kefajaan Pusat dan negeri-negeri sekiranya ia dapat membantu ke arah pembangunan negara.

Sekian, Terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN BAGI JAWAB**  
**LISAN**

**DEWAN RAKYAT**

**MALAYSIA PERTANYAAN BAGI JAWAB**

**DARIPADA**

**LISAN**

**YB DATO' JOHARI BIN  
ABDUL [SUNGAI PETANI]**

**TARIKH**

**7 APRIL 2010**

**SOALAN CAB]**

**YB DATO' JOHARI BIN ABDUL [SUNGAI  
PETANI] minta MENTERI LUAR NEGERI**  
menyatakan memandangkan rakyat di  
Papua New Guinea membantah keras  
tindakan Syarikat Pembalakan Malaysia  
Rimbunan Hijau yang membalak secara  
tamak dan tidak beretika hingga  
meninggalkan kesan buruk ke atas  
kehidupan mereka.

(a) adakah Kerajaan berhasrat untuk  
mengambil tindakan terhadap syarikat ini  
kerana tindakan mereka telah  
menjejaskan nama baik negara; dan

(b) jika sudah ada tindakan yang

1

**PEMBERITAHU PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

Walaupun, apakah Negara ini akan terjejak  
dan adakah Kerajaan yakin masalah ini  
tidak akan berulang lagi.

**PERTANYAAN :** PEMBERITAHU PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

**DARIPADA**            **YB TUAN SIVARASA Art. K. RASIAH**  
                                 **[Subang]**

**TARIKH**                **8 April 2010**

**SOALAN**                **YB TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH [Subang]**  
                                 **minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan**  
                                 **apakah langkah Kerajaan untuk mengatasi**  
                                 **permasalahan yang timbul di kalangan**  
                                 **penduduk di Papua New Guinea akibat**  
                                 **pembalakan secara berleluasa oleh Syarikat**  
                                 **Rimbunan Hijau, sebuah syarikat milik rakyat**  
                                 **Malaysia yang telah menyebabkan banyak**  
                                 **masalah setempat seperti yang dilaporkan oleh**  
                                 **The Star pada 25 Mei 2009.**

**Jawapan:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Izinkan saya untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Sungai Petani bertarikh 7 April 2010 bersama soalan daripada Yang Berhormat Subang bertarikh 8 April 2010 kerana menyentuh perkara yang sama. Terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di atas soalan-soalan , yang dikemukakan.**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**2. Pada keseluruhannya, syarikat-syarikat Malaysia yang terlibat dalam pelbagai kegiatan perniagaan dan pelaburan di Papua New Guinea, menikmati persepsi yang baik daripada pihak berkuasa negara tersebut serta masyarakat tempatan. Mereka dilihat sebagai organisasi- organisasi korporat yang bertanggungjawab dan berwibawa serta memberi sumbangan dan jasa bakti bermakna kepada kesejahteraan hidup masyarakat di tempat mereka beroperasi dan pembangunan negara berkenaan umumnya.**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**3. Persepsi positif Kerajaan Papua New Guinea itu adalah hasil daripada pelbagai langkah yang dilaksanakan oleh Kementerian Luar Negeri selama ini. Selain menasihati syarikat-syarikat Malaysia berkenaan supaya sentiasa memberi perhatian serius dalam memelihara imej dan nama baik negara, pihak Kementerian turut memainkan peranan aktif dalam**



**menggalakkan syarikat-syarikat pembalakan negara ini yang beroperasi di Papua New Guinea untuk melaksanakan amalan-amalan pengurusan hutan terbaik selaras dengan piawaian antarabangsa. Kementerian ini juga memupuk talian yang rapat dengan agensi-agensi berkenaan Papua New Guinea yang bertanggungjawab dalam pengurusan perhutanan serta pembangunan sumber-sumbernya untuk memastikan agensi-agensi ini sentiasa mendapat maklumat terperinci dan terkini berhubung operasi yang dijalankan oleh syarikat-syarikat pembalakan Malaysia di negara berkenaan.**

**4. Pada masa yang sama, Kementerian turut menggalakkan syarikat-syarikat Malaysia di Papua New Guinea melaksanakan tanggungjawab sosial terhadap pembangunan sosio-ekonomi masyarakat tempatan serta memberi publisiti meluas tentang aktiviti— aktiviti amal mereka. Langkah tersebut diharap dapat merapatkan lagi hubungan syarikat-syarikat Malaysia yang beroperasi di negara itu dengan masyarakat tempatan sekali gus memberi perspektif sebenar kepada masyarakat tempatan bahawa syarikat-syarikat Malaysia menitikberatkan aspek tanggungjawab sosial mereka dalam menyokong proses pembangunan Papua New Guinea.**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**5. Kementerian Luar Negeri akan terus memantau dan berinteraksi rapat dengan syarikat-syarikat berkenaan supaya mereka terus menjalankan kegiatan-kegiatan perniagaan masing-masing mengikut undang-undang dan garis panduan antarabangsa dan membantu<sup>2</sup> pembangunan negara tempatan**

**demi memelihara hubungan baik antara Malaysia dan Papua New Guinea, dan imej Malaysia amnya.**

**Sekian, terima kasih.**

NO. AUP : (pfc

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN  
**DARIPADA** DATUK SERI DR. FONG CHAN ONN  
[ ALOR GAJAH ]  
**TARIKH** 7 APRIL 2010  
**RUJUKAN** 2562

**SOALAN:**

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [ Alor Gajah ] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah YAB. Perdana Menteri akan mendakwa bekas pembantunya Datuk Nasir Safar dengan Akta Hasutan atas penyataannya yang bersifat ras di Seminar Rapat 1 Malaysia di Melaka.

**JAWAPAN**



**SOALAN NO. 47**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**TARIKH**                      **7 APRIL 2010 (RABU)**

**SOALAN**

**YB Dr. Siti Mariah binti Mahmud (PAS) (Kota Raja) minta MENTERI  
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

menyatakan jumlah kes kanak-kanak didera oleh ahli keluarga (seperti ibu/ayah) yang terdekat dan berapakah kes yang berjaya di dakwa di mahkamah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan statistik Polis DiRaja Malaysia (PDRM), jumlah kes kanak-kanak didera oleh keluarga terdekat yang telah dilaporkan kepada PDRM bagi tahun 2009 ialah sebanyak satu ratus enam belas (116) kes. Daripada jumlah tersebut, sebanyak lapan (8) kes telah berjaya didakwa di mahkamah.

**NO. SOALAN : 4g**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWANRAKYA**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>YB TUAN CHUA TIAN CHANG</b>
	<b>[BATU]</b>
<b>TARIKH</b>	<b>7 APRIL 2010</b>

**SOALAN**

**Tuan Chua Tian Chang (Batu)** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :

- (a) berapakah jumlah pembayaran kepada APCO dan Kementerian manakah yang menanggungkan kos ini; dan
- (b) berapakah jumlah kos yang dibelanjakan oleh setiap Kementerian yang berkaitan dengan Program 1 Malaysia.



**JAWAPAN : (DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ)**

Tuan Yang di-Pertua,

Pembayaran kepada APCO bergantung kepada pelaksanaan sebenar program komunikasi yang telah ditetapkan. Jumlah pembayaran kontrak sebenarnya hanya dapat ditentukan selepas kontrak-kontrak tersebut tamat dan ianya diuruskan oleh Jabatan Perdana Menteri.

Sejak Gagasan 1 Malaysia diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri, Kementerian dan agensi kerajaan telah menjayakan pelbagai program dan usaha untuk mempromosikan gagasan ini. Jumlah kos program 1 Malaysia ditentukan oleh Kementerian dan agensi kerajaan berkenaan.

Sekian, terima kasih.



KK/BP(1.10)294/6-73 SJ.B/(72)

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA** **TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN  
ISMAIL ( MACHANG)**

**PERTANYAAN**

**TARIKH** **MULUT  
07.04.2010**

**SOALAN NO** **49**

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail ( Machang ) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pelaksanaan penjualan saham oleh Khazanah bagi merealisasikan nilai (*unlocking value*) dan meningkatkan kecairan saham syarikat, jumlah saham yang telah dijual setakat ini, sektor aset bukan teras yang telah dijual dan kesan kepada kemasukan pelaburan asing.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sejak menerima mandat baru pada tahun 2004 sehingga Disember 2009, Khazanah Nasional Berhad (Khazanah ) telah melakukan sejumlah 29 transaksi pelupusan ekuiti berjumlah RM17.933 bilion, yang mana sebanyak RM13.194 bilion merupakan perolehan tunai dan RM4.739 bilion perolehan bukan tunai.

Daripada jumlah tersebut, Khazanah berjaya meraih keuntungan atas penjualan berjumlah RM8.111 bilion.

2. Di antara pegangan aset strategik yang dilupuskan secara berhemah adalah termasuk Malaysia Airports Holdings Berhad (logistik), PLUS Expressways Berhad (infrastruktur dan pembinaan) serta Tenaga Nasional Berhad (utiliti). Memandangkan pelaburan dalam syarikat-syarikat ini adalah dianggap sebagai pelaburan teras dan strategik, Khazanah masih mengekalkan kedudukannya sebagai pemegang saham utama. Selain daripada itu, Khazanah telah melakukan penstrukturan semula dan menjual keseluruhan penganggannya dalam RHB Bank (kewangan) yang dianggap tidak teras.

3. Khazanah turut menyemai nilai melalui penggabungan dan pengambilalihan (M&A) dalam usaha menyokong strategik pelupusan perniagaan ke rantau ini oleh syarikat-syarikat yang dikuasainya, termasuk penggabungan Bank Lippo dan Bank Niaga untuk membentuk CIMB Niaga (kewangan) serta MobileOne Ltd dan PT Excelcomindo (telekomunikasi). Di samping itu, Khazanah turut merealisasikan nilai pelaburannya melalui penerbitan sukuk dan bon seperti Sukuk Boleh Tukar USD850,000,000 PLUS pada tahun 2007 dan Sukuk Boleh Tukar USD550,000,000 Parkson pada tahun 2008.

4. Khazanah sentiasa mengawasi setiap pelaburannya dan akan hanya melupuskan pelaburannya pada ketika dan keadaan yang sesuai. Di antara faktor yang diambil kira dalam membuat keputusan

tersebut adalah termasuk jumlah nilai yang telah dicipta, status terkini sebarang inisiatif transformasi atau rekaan nilai, saiz pegangan dalam syarikat berkenaan serta kaedah-kaedah alternatif untuk pengewangan (*monetisation*) seperti penjualan strategik atau penerbitan bon atau sukuk boleh tukar.

NO. AUM : 45

NO. AUP : %

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN JEFF OOI CHUAN AUN [ JELUTONG ]

TARIKH 7 APRIL 2010

RUJUKAN 2455

SOALAN

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [ Jelutong ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah mekanisme dan sistem komprehensif yang diguna pakai untuk memantau status setiap pendatang asing dari masa kemasukan sehingga masa pemergian. Apakah jumlah pendatang dari Indonesia dan Bangladesh sejak tahun 1981 hingga kini dan berapa pula yang telah disingkir keluar kerana mencabuli undang-undang imigresen.

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Jelutong yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sistem Jabatan Imigresen Malaysia hanya boleh memantau status warganegara asing semasa kemasukan dan semasa pemergian mereka di pintu-pintu masuk yang diwartakan sahaja. Walau bagaimanapun, Jabatan Imigresen Malaysia tetap mempunyai beberapa mekanisme pemantauan terhadap kehadiran warganegara asing ini. Sewaktu kemasukan ke Malaysia, Jabatan merekod maklumat seperti tujuan kemasukan dan alamat perhubungan melalui penggunaan kad ketibaan/ pelepasan (***arrival/ departure card***). Bagi warganegara asing yang berada di Malaysia untuk tempoh jangka masa panjang (seperti atas asas setahun ke setahun), secara umumnya Jabatan melakukan pemantauan apabila warganegara asing ini memperbaharui pas imigresen mereka. Apabila pembaharuan pas dilakukan, ini membolehkan Jabatan mengemaskini maklumat tentang warganegara asing berkenaan, seperti alamat perhubungan, tempat pekerjaan dan lain-lain. Satu lagi aspek pemantauan yang diguna pakai oleh Jabatan ialah dengan melakukan naziran terhadap pemegang pas samada di tempat kerja, institusi pendidikan mahupun di tempat tinggal termasuklah operasi-operasi penguatkuasaan bersama agensi-agensi yang berkaitan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Imigresen Malaysia tidak mempunyai rekod berkomputer berhubung jumlah warganegara asing dari Indonesia dan Bangladesh sejak tahun 1981 sehingga akhir

**JAWAPAN:**

1990-an. Ini kerana Jabatan hanya menggunakan sistem perkomputeran yang lengkap sejak 10 tahun yang lalu. Walau bagaimanapun, jumlah pengusiran sejak tahun 2001 hingga 2009 bagi warganegara Indonesia adalah 341,425 orang dan warganegara Bangladesh pula berjumlah 27,244 orang.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian menyedari kepentingan wujudnya suatu mekanisme yang komprehensif bagi memantau status warganegara asing dari mula masuk, sepanjang berada sehingga masa pemergian mereka dari negara ini. Justeru bagi memperkemas aspek rekod, pemantauan dan pengesanan terhadap warganegara asing, Kerajaan telah memutuskan untuk mewujudkan makmal (*management lab*) khas untuk mencari penyelesaian mengenai isu-isu ini. Inisiatif ini bertujuan mencari resolusi komprehensif dan berkesan termasuklah dari aspek undang-undang, sistem, prosedur dan penguatkuasaan.



**No. Soalan :51**

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN  
PERTANYAAN RAKYAT LISAN**  
DARIPADA Tuan John a/l Fernandez  
A (Seremban)  
7 April 2010  
TARIKH

SOALAN Tuan John a/l Fernandez [ Seremban ] minta  
N PERDANA MENTERI menyatakan selain dari Program Latihan  
Khidmat Negara yang diperkenalkan untuk menanam rasa cintakan  
negara kepada warga kita, adakah terdapat keperluan lagi untuk  
meneruskan program Biro Tata Negara yang dilihat objektifnya adalah  
bertindih dengan Program Latihan Khidmat Negara.

**Jawapan :**

Tuan Yang Di Pertua,

Objektif program Biro Tatanegara (BTN), Jabatan Perdana Menteri adalah memupuk semangat patriotisme, cintakan Negara dan nilai-nilai murni dengan mengendalikan Program Bina Negara yang meliputi pelbagai kursus dan seminar, ia meliputi semua lapisan rakyat terdiri daripada pemimpin seperti Jawatankuasa Kemajuan Kampung (JKKK), warga institusi pendidikan, anggota perkhidmatan awam, pemaju masyarakat, anggota pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan pekerja swasta. BTN sedang menumpu peranan kepada penerapan semangat gagasan 1 Malaysia - "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan" dan penerangan tentang Program Transformasi Kerajaan (PTK) serta Model Ekonomi Baru.

Sebaliknya objektif PLKN adalah seperti berikut:

1. Menanamkan semangat patriotisme dan cintakan negara di

- kalangan generasi muda atau remaja Malaysia ;
2. Mempertingkatkan perpaduan kaum serta integrasi nasional;



3. Membentuk perwatakan positif melalui penerapan nilai-nilai murni; dan
4. Menanam semangat kesukarelawan di kalangan remaja.

Oleh yang demikian, adalah tidak benar sama sekali dakwaan bahawa program yang dianjurkan oleh BTN bertindih dengan Program Latihan Khidmat Negara yang diperkenalkan untuk menanam rasa cintakan negara kepada warga kita yang berfokus kepada generasi muda, lepasan SPM. Sementara itu kerana sasaran peserta program BTN jauh lebih besar, iaitu kumpulan pemimpin akar umbi, kakitangan kerajaan, warga institusi pendidikan, pemaju masyarakat, pekerja sektor swasta dan ahli NGO's di samping modul serta silibusnya juga jauh berbeza. Kursus BTN adalah dalam jangka masa pendek, paling lama 5 hari 4 malam, sementara PLKN mengambil masa selama 3 bulan.



**KK/BP(1.10)294/6-73 SJ.B/(72)**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

<b>DARIPADA</b>	<b>TUAN WEE CHOO KEONG (WANGSA MAJU)</b>
<b>PERTANYAAN</b>	<b>MULUT</b>
<b>TARIKH</b>	<b>07.04.2010</b>
<b>SOALAN NO</b>	<b>52</b>

**Tuan Wee Choo Keong ( Wangsa Maju )** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tarikh penguatkuasaan cukai barang dan perkhidmatan (GST) dan penarikan subsidi, samada Kerajaan akan menghapuskan cukai import ke atas barangan dan “approved permit” (Aps), yang bertujuan mempertahankan kemampuan syarikat tempatan berdaya saing dan kedua-duanya ini akan menjejaskan kuasa beli rakyat.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan belum lagi menetapkan tarikh sebenar untuk melaksanakan cukai barang dan perkhidmatan (GST). Tindakan yang diambil oleh Kerajaan hanya membentangkan Rang Undang-Undang GST untuk bacaan kali

pertama manakala tarikh bacaan kali kedua dan ketiga belum ditetapkan lagi.

Kerajaan juga buat masa sekarang sedang menjalankan kajian untuk merasionalisasikan pemberian subsidi dan sememangnya sering mengkaji keperluan penghapusan duti import barangan dari semasa ke semasa. Berhubung dengan approved permits (APs), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) sedang menjalankan kajian keperluan Lesen Import dan Eksport (AP) bagi produk-produk di bawah semua Kementerian dan Agensi bagi memastikan produk- produk tempatan lebih berdaya saing di pasaran antarabangsa.

2. Pelaksanaan GST tidak akan menjejaskan kuasa beli rakyat. Berdasarkan kajian, secara puratanya rakyat hanya perlu membayar cukai sebanyak RM51.64 sebulan berbanding jumlah cukai jualan dan perkhidmatan yang telah dibayar pada masa sekarang iaitu sebanyak RM58.78 sebulan.

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA YB DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR [ TUMPAT ]**

**TARIKH 7 APRIL 2010**

**SOALAN : YB DATO\* KAMARUDIN BIN JAFFAR [TUMPAT]  
meminta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**  
Kerajaan sepenuh masa dan di negara- negara  
manakah mereka ditempatkan.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada Yang Berhormat Tumpat di atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Pada masa ini, sejumlah lima (5) Duta Besar dan Pesuruhjaya Tinggi bukan pegawai Kerajaan sepenuh masa yang dilantik secara '**contract of service dengan izin**' untuk berkhidmat di Perwakilan Malaysia di luar negara secara '**political appointment dengan izin**', seperti berikut:

- i. Yang Berhormat Dato' Sri Dr. Jamaluddin bin Mohd Jarjis, Duta Besar Malaysia ke Amerika Syarikat;
- ii. YBhg. Prof Madya Dato' Syed Omar bin Syed Mohamad Al-Saggaff, Duta Besar Malaysia ke Arab Saudi;
- iii. YBhg. Dato' Abdullah bin Mohd Salleh, Presiden Pusat Persahabatan dan Perdagangan Malaysia di Taiwan;
- iv. YBhg. Datin Blanche Olbery, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Papua New Guinea; dan
- v. YBhg. Datuk Pengiran Haji Mohd Hussein bin Datuk Pengiran Haji Mohd Tahir Nasruddin, bakal Duta Besar Malaysia ke Cambodia.

SOALAN NO: 54

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. PUAN FONG PO KUAN

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

TARIKH: 7 APRIL 2010

SOALAN:

Y.B. Puan Fong Po Kuan [ Batu Gajah ] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan sama ada Kementerian menyedari pelbagai masalah dan salah guna di dalam pengendalian program Sistem Latihan Dual Nasional dan apakah bantuan yang sedia ada untuk membantu perantis yang tidak puas hati dengan syarikat yang diluluskan untuk mengendalikan program tersebut.

PR-1231-L35748

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Sumber Manusia (KSM) menyedari adanya syarikat yang mengambil kesempatan untuk mengaut keuntungan dengan menyalahgunakan program Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN). Antara aduan yang diterima adalah seperti berikut;

- i. Syarikat mengenakan yuran kepada perantis;
- ii. Sistem Pembelajaran tidak sempurna di mana syarikat tidak menjalankan latihan sebagaimana yang ditetapkan di dalam kurikulum SLDN atau NOSS (National Occupational Skill Standard); dan
- iii. Syarikat memegang kad ATM perantis bagi tujuan mengambil elaun perantis yang dibayar oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK).

KSM amat perihatin masalah yang dihadapi oleh perantis. Sehubungan dengan itu, bagi mengelakkan berlakunya masalah ini, Kementerian sentiasa membuat pemantauan dari masa ke semasa dan membuat perubahan untuk memantapkan lagi pelaksanaan program SLDN dalam usaha menutup ruang dan peluang kepada syarikat atau individu tertentu daripada melakukan penyelewengan terhadap program SLDN ini. Supaya masalah tidak berulang, KSM telah mengambil tindakan berikut

- i. membenarkan perantis yang tidak berpuas hati untuk berhenti daripada mengikuti

f

kursus di syarikat tersebut dan memindahkannya ke syarikat lain; dan  
ii. membekukan pelaksanaan SLDN di syarikat yang menyalahguna program ini.

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA DATO' RASHID BIN DIN  
[MERBOK]**

**TARIKH 7 APRIL 2010**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Akta Persekutuan yang diguna pakai yang membolehkan penubuhan "Penyelaras Kawasan Parlimen" di mana Ketua Bahagian UMNO dilantik dan di beri kuasa untuk meluluskan permohonan pembangunan-pembangunan kecil luar bandar, permohonan kredit seperti Tekun, permohonan bantuan orang miskin, permohonan rumah PPRT dan KEDA, permohonan bantuan pertanian dan sebagainya.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

Pelantikan Penyelaras Kawasan Parlimen dibuat secara **contract for service** mengikut tatacara pelantikan yang diluluskan oleh Perbendaharaan. Pelantikan ini dibuat berdasarkan cadangan oleh pemimpin-pemimpin tempatan dan diselaraskan oleh Pengerusi Majlis Tindakan Persekutuan di Peringkat Negeri (MTPNg). Tidak semua Ketua Bahagian UMNO dilantik dan mereka yang dilantik pula tidak mempunyai kuasa untuk meluluskan apa-apa permohonan. Mereka hanya boleh mencadangkan dan juga menyokong permohonan yang dibuat. Pertimbangan terhadap permohonan yang dikemukakan



adalah dibuat mengikut tatacara dan mekanisme setiap agensi yang menguruskan peruntukan atau bantuan yang berkenaan.

**DARIPADA YBM DATO' SERI TENGGU AZLAN IBNI  
ALMARHUM SULTAN ABU  
BAKAR [JERANTUT]**

**TARIKH 7 APRIL 2010**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah perlu satu pasukan pemantau ditubuhkan oleh pihak ICU untuk memantau kerja-kerja yang dijalankan oleh pejabat daerah.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

Secara umumnya semua program / projek yang diluluskan di bawah peruntukan ICU JPM atau diberi tanggungjawab kepada ICU JPM yang dilaksanakan oleh Pejabat Daerah dipantau secara terus oleh Pejabat Pembangunan Negeri yang berkenaan. Kaedah yang digunakan bagi memantau program/projek antaranya ialah pemantauan melalui pelaporan secara berkala, lawatan turun padang dan sebagainya. Selain dari itu, Pejabat Daerah juga ada melaksanakan projek-projek menggunakan peruntukan agensi lain termasuk Kerajaan Negeri yang

No. SOALAN: 57

dipantau melalui mekanisme agensi berkenaan.

**PERTANYAAN**                      **LISAN**

**DARIPADA**                      **YB Tuan Matulidi bin Jusoh [                      Dungun ]**

**TARIKH**                              **7 APRIL 2010 (Rabu)**

**SOALAN**                              **Tuan Matulidi bin Jusoh [                      Dungun ]** minta  
**PERDANA MENTERI** menyatakan setakat mana kementerian-kementerian telah mencapai tahap KPI yang disasarkan dan senarai bidang keberhasilan utama mengikut kementerian berkenaan.

**JAWAPAN: (YB TAN SRI DR KOH TSU KOON)**

Tuan Yang Di Pertua,

Di samping enam ahli Jemaah Menteri yang terlibat secara langsung sebagai Menteri Peneraju atau *Lead Ministers* bagi enam Bidang Keberhasilan Utama Nasional atau *National Key Result Areas* (N-KRA), setiap anggota Jemaah Menteri juga bertanggungjawab terhadap Bidang Keberhasilan Utama Kementerian atau *Ministerial Key Result Areas* (M-KRA), masing-masing dengan adanya **Petunjuk Prestasi Utama Kementerian** atau *Ministerial Key Performance Indicators* (M-KPI).

Bagi tahun 2009, sebanyak 77 M-KRA dengan 264 M-KPI telah disasarkan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 225 M-KPI (85.2%) telah dicapai berdasarkan pemantauan yang dilaksanakan pada bulan Disember 2009 sehingga Januari 2010. Bagi 2010 pula, sebanyak 92 M-KRA dengan 327 M-KPI telah disasarkan, di mana 15 merupakan M-KRA baru dan 87 M-KPI adalah M-KPI baru. Secara keseluruhannya, ini melibatkan peningkatan sebanyak 19.5% bagi M-KRA dan 23.9% bagi M-KPI untuk tahun 2010.

Prestasi kesemua M-KRA dan M-KPI di bawah setiap kementerian akan dipantau rapi oleh Menteri sendiri dengan bantuan PEMANDU. PEMANDU akan berusaha memastikan penyelarasan di antara agensi dapat dipertingkatkan, terutamanya di mana terdapatnya saling kebergantungan (*inter-dependance*) di antara kementerian-kementerian. Bagi kementerian yang tidak menepati sasaran KPI yang tertentu, Menteri dan pegawai yang

berkenaan dikehendaki mengenal pasti punca-punca masalah dan menerokai kaedah-kaedah penyelesaian yang kreatif agar KPI yang berkenaan dapat dicapai pada tahun berikutnya.

Malaysia sememangnya merupakan satu-satunya negara yang telah mengambil langkah untuk memperkasakan pengurusan prestasi pentadbiran Kerajaan Persekutuan berlandaskan kaedah KPI untuk anggota-anggota Jemaah Menteri dan perkhidmatan awam pada amnya. Ini sesungguhnya mencerminkan komitmen Kerajaan Persekutuan kepada rakyat untuk meningkatkan lagi mutu sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan, selaras dengan cogan kata “ Rakyat Didahulukan, Pencapaian Dilltamakan”.

**PERTANYAAN :**       **JAWAB LISAN**  
**DARIPADA**           **YB SIVARASA A/L K. RASIAH**  
**TARIKH**               **7 APRIL 2010 (RABU)**

**SOALAN :**

**Tuan Sivarasa a/l K. Rasiah [ Subang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang membuka semula siasatan dalam kes pembunuhan Altantuya Shaaribuu, memandangkan bahawa penyiasat peribadi P. Balasubramaniam telah dilaporkan mengesahkan bahawa bekas pegawai khas Perdana Menteri, Datuk Nasir Safar adalah lelaki dalam Proton berwarna biru yang sampai di hadapan rumah Razak Baginda pada malam 19 Oktober 2006, beberapa minit sebelum Altantuya dibawa daripada sana oleh Sirul Azahar, Azilah Hadri dan L/C Rohaniza.

**JAWAPAN:      Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan tidak bercadang untuk membuka semula siasatan bagi kes pembunuhan Altantuya Shaaribuu kecuali jika ada bukti-bukti baru yang boleh dipercayai (*credible*) dan ' boleh diterima sebagai suatu keterangan oleh Mahkamah.

Selain itu, Kerajaan juga tidak bercadang membuka semula siasatan bagi kes pembunuhan tersebut melainkan jika penyiasat peribadi P. Balasubramaniam terlebih dahulu tampil secara sendiri untuk memberi keterangan secara jelas kepada polis. Namun, ini adalah tertakluk kepada kebolehpercayaan (*credibility*) keterangan yang akan diberikan.

Sekian, terima kasih.



		<i>no.</i>
<b>PERTANYAAN</b>		<b>BAGI JAWAB LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>PEMBERI TAHUAN PERTANY AAN DEWAN</b>	<b>Dato' Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru]</b>
<b>TARIKH</b>	<b>RAKYAT, MALAYSI A</b>	<b>7 April 2009 (Rabu)</b>
<b>SOALAN</b>		<b>59</b>

**Dato' Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan hasil siasatan Pasukan Petugas Khas PKFZ tentang kedudukan kewangan LPK dan PKFZ dan apakah model perniagaan yang dicadangkan untuk memajukan projek ini.



## **JAWAPAN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN**

Tuan Yang Dipertua,

Seperti yang Dewan Yang Mulia ini sedia maklum, terma-terma rujukan Pasukan Petugas Khas Projek Pembangunan Port Klang Free Zone (PKFZ) yang ditubuhkan oleh Kerajaan dan dipengerusikan oleh Y.Bhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara diantara lainnya adalah untuk menilai kedudukan kewangan Lembaga Pelabuhan Kelang (LPK) dan PKFZ, menyediakan pelan penstrukturan semula PKFZ serta merangka dan mengesyorkan model perniagaan bagi mengembang, memaju dan memaksimumkan pulangan kepada LPK dan PKFZ

Walaupun bagaimanapun, Pasukan Petugas Khas yang memulakan tugasnya pada Oktober 2009 masih lagi sedang mengkaji dan meneliti semua aspek-aspek yang melibatkan projek PKFZ termasuk syor-syor untuk memajukan PKFZ. Pasukan Petugas Khas tersebut yang diberikan tempoh 6 bulan untuk melaksanakan tugasnya yang mana akan berakhir pada 12 April 2010 ini.





**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL  
KETIGA PARLIMEN KEDUA BELAS ~~NO. SOALAN: 44~~ (2010)**

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA Y.B TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA  
TARIKH 07 APRIL 2010 (RABU)

SOALAN :

Y.B TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA [ BACHOK ] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan Mahkamah Khas Syariah yang membicarakan kes-kes tertentu dan rumit di Mahkamah Syariah. Jika ya, bagaimanakah struktur Mahkamah Syariah itu nanti.

JAWAPAN: ( Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR  
BIN HAJI BAHAROM, MENTERI DI JABATAN  
PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di- Pertua,

Pada masa ini, hiraki Mahkamah Syariah adalah bermula daripada Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah. Setiap peringkat mahkamah telah dibahagikan mengikut bidang kuasa seperti mana yang diperuntukkan oleh Undang- Undang. Hakim Syarie yang mengendalikan setiap peringkat mahkamah juga telah diberikan latihan mencukupi untuk

mengendalikan kes-kes di bawah bidang kuasa yang telah ditetapkan.

Oleh itu, Kerajaan tidak bercadang untuk mewujudkan mahkamah khas bagi membicarakan kes-kes tertentu dan rumit. Bagaimanapun, Kerajaan kini sedang dalam proses untuk mewujudkan satu lagi hiraki mahkamah iaitu Mahkamah Rayuan Khas yang bertujuan untuk mendengar rayuan daripada Mahkamah Rayuan Syariah sedia ada demi menjamin keadilan kepada semua pihak.

Sekian, terima kasih

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA: Y.B. DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED**

**TARIKH: 7 APRIL 2010**

**SOALAN:**

**Y.B. Datuk Nur Jazlan Bin Mohamed [ Pulai ] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan sebab mengapa Malaysia gagal menarik pulang pekeija berbakat warga Malaysia memandangkan jumlah puluhan ribu warga profesional yang bekerja di luar negara. Adakah kegagalan ini disebabkan oleh dasar sumber manusia yang ketinggalan dari segi keperluan global atau pelaksanaan dasar Kerajaan yang lemah.**

**PR-1231-L36202**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Di era globalisasi dan sebagai sebuah negara demokrasi, rakyat diberi kebebasan untuk memilih pekerjaan di dalam mahupun di luar negara. Kerajaan tidak dapat menghalang individu untuk bekerja di luar negara. Isu rakyat berhijrah keluar negara (*brain drain*) bukan hanya dihadapi oleh Malaysia bahkan oleh negara-negara maju lain. Ini boleh dibuktikan melalui analisis nisbah yang telah dibuat oleh Kementerian Sumber Manusia (KSM). Dapatan analisis nisbah antara penduduk di luar negara dan populasi, menunjukkan Malaysia (1:36) lebih baik berbanding New Zealand (1:8), United Kingdom (1:15), Singapura (1:18), Laos PDR (1:18), Brunei (1:22), Kanada (1:26) dan Filipina (1:27).

Antara faktor yang menyebabkan rakyat bekerja di luar negara ialah:-

- i. Faktor gaji lumayan yang ditawarkan oleh sesetengah syarikat asing di luar negara;
- ii. Ramai pelajar/rakyat Malaysia yang ingin mendapatkan pengalaman bekerja di luar negara setelah menamatkan pengajian di negara asing dan ini kerana keinginan untuk meningkatkan kemahiran, memperoleh pendapatan yang tinggi dan untuk menikmati taraf hidup yang lebih baik. dan
- iii. Mengikut suami atau isteri berhijrah ke luar negara.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Dewan Yang Mulia, KSM berusaha menarik minat mereka untuk kembali bekerja di Malaysia menerusi Program Menggalakkan Warganegara Malaysia Berkepakaran Yang Bekerja di Luar Negara Pulang ke Malaysia (REP).

Sejak dilaksanakan mulai 2001 sehingga 31 Mac 2010, sebanyak 1,500 permohonan telah dipertimbangkan dan 866 daripadanya telah diluluskan. Dari jumlah yang diluluskan

tersebut sebanyak 634 pemohon telah pulang secara rasmi dan telah bekerja di Malaysia.

Tuan Yang Di Pertua,

Program REP ini memberikan insentif kepada pemohon dan kemudahan kepada pasangan sama ada suami atau isteri dan anak-anak. Antara insentif yang ditawarkan adalah seperti berikut:

- i. Semua barangan persendirian yang dibawa balik dikecualikan daripada cukai;
- ii. Dua (2) buah kereta yang dibawa balik dikecualikan daripada duti import, duti eksais dan cukai jualan. Bagi permohonan oleh suami isteri, bilangan kereta yang dikecualikan daripada duti import, duti eksais dan cukai juaian adalah dihadkan kepada dua (2) buah kereta sahaja;
- iii. Isteri atau suami dan anak pemohon yang bukan rakyat Malaysia diberi taraf Pemastautin Tetap (PR) dalam tempoh enam (6) bulan selepas balik ke Malaysia;
- iv. Anak-anak pemohon yang sedia ada diberi kelonggaran memasuki sekolah antarabangsa apabila kembali ke Malaysia. Kemudahan ini tidak terpakai bagi anak-anak pemohon yang lahir di Malaysia selepas daripada tarikh kembali bermastautin di Malaysia;
- v. Pemohon-pemohon yang menetap di negara yang menggunakan sistem pemanduan sebelah kiri (*left-hand drive*) dibenarkan membeli dan membawa masuk kereta daripada negara ketiga (menggunakan pemanduan sebelah kanan); dan
- vi. Bagi pemohon yang tidak dapat membawa balik kereta import ke Malaysia atas apa-apa sebab, dibenarkan membeli kereta yang dipasang/di kilang di dalam negara dan layak mendapat pengecualian duti eksais dan cukai juaian. Bilangan kereta dihadkan kepada dua (2) buah sahaja termasuk kereta yang telah dibawa balik dari luar negara.

Dengan pelancaran Model Ekonomi Baru (MEB) oleh YAB Perdana Menteri pada 30 Mac 2010, YAB Perdana Menteri telah menjemput kesemua rakyat Malaysia yang telah

**meninggalkan tanah air ini untuk kembali semula dan bersama-sama mengembleng tenaga dalam proses transformasi negara untuk mencapai potensi Malaysia yang sepenuhnya.**



**SOALAN NO : 62**  
**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN**  
**OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN**  
**MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA TUAN CHONG CHIENG JEN**  
**[ BANDAR KUCHING ]**  
**TARIKH 7 APRIL 2010**  
**SOALAN**

**Tuan Chong Chieng Jen [ Bandar Kuching ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah projek letak kereta bertingkat akan dibina di Hospital Umum Kuching dalam tahun 2010. Jika tidak, bilakah Kerajaan akan membina tempat letak kereta bertingkat di Hospital Umum Kuching dan apakah cadangan alternatif Kerajaan untuk menyelesaikan masalah kekurangan tempat letak kereta di hospital itu.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Projek tempat letak kereta bertingkat Hospital Umum Sarawak telah disenaraikan dalam Rancangan Malaysia Ke-10.

Projek ini telah dikemukakan pada Unit Perancangan Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri dan sedang menunggu pertimbangan dan kelulusan. Kelulusan dijangka akan diketahui pada bulan Jun 2010.





KK/BP(1.10)294/6-73 SJ.B/(72)

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

<b>DARIPADA</b>	<b>TUAN HEE LOY SIAN ( PETALING JAYA SELATAN )</b>
<b>PERTANYAAN</b>	
<b>TARIKH</b>	<b>MULUT</b>
	<b>07.04.2010</b>
<b>SOALAN NO</b>	<b>63</b>

**Tuan Hee Loy Sian ( Petaling Jaya Selatan )** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan

- (a) bagaimana Kementerian memastikan kehidupan rakyat berpendapatan rendah dan sederhana yang terlepas dari cukai tahunan, tidak terjejas kehidupan mereka bila cukai 4 peratus GST (Goods and Services Tax) dilaksanakan pada tahun 2010.
- (b) apakah implikasinya GST terhadap ekonomi negara secara keseluruhannya.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, cukai barang dan perkhidmatan atau GST yang dicadangkan adalah untuk menggantikan cukai jualan dan cukai perkhidmatan yang dilaksanakan sekarang. Dengan itu, walaupun rakyat berpendapatan rendah dan sederhana terlepas daripada membayar cukai tahunan iaitu cukai pendapatan, mereka sebenarnya telah pun membayar cukai terhadap barang dan perkhidmatan tertentu yang digunakan iaitu secara puratanya sebanyak RM79.57 sebulan. Apabila GST dilaksanakan pada kadar 4%, purata cukai yang perlu dibayar adalah sebanyak RM70.08 sebulan sahaja. Ini bermaksud pengenaan GST tidak akan menambah beban cukai yang perlu ditanggung oleh mereka yang tidak membayar cukai pendapatan sekarang.

2. GST yang merupakan satu langkah dalam polisi fiskal dijangka akan dapat memberi kesan positif kepada pertumbuhan negara terutamanya ke atas eksport dan sektor pelancongan. Jumlah eksport negara dijangka meningkat kerana GST tidak akan dikenakan ke atas barang dan perkhidmatan yang dieksport. Kerajaan juga akan memperkenalkan skim bayaran balik pelancong (***tourist refund scheme***) yang mana ianya membenarkan pelancong asing untuk menuntut kembali GST yang dibayar ke atas pembelian barang. Skim ini akan menarik pelancong asing untuk datang dan berbelanja di Malaysia kerana mereka dapat membeli barang bebas cukai. Selain daripada itu, status Labuan, Langkawi, dan Tioman sebagai pulau bebas cukai juga akan dikekalkan.

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN                      JAWAB LISAN**  
**DARIPADA      PUAN TEO NIE CHING 7 APRIL 2010 (RABU)**  
**TARIKH              NO.64**  
**SOALAN**

**Puan Teo Nie Ching [ Serdang ]** minta **MENTERI**  
**PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah graduan perubatan yang dilahirkan oleh IPTA dan IPTS dari 2000 hingga 2009 dan jumlah graduan perubatan yang akan dilahirkan oleh IPTA dan IPTS dari 2010 hingga 2020.

### **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan graduan dalam bidang perubatan diperingkat sarjana muda, sarjana dan PhD pada tahun 2008 ialah seramai 2,530 orang iaitu 1,323 graduan IPTA dan 1,207 graduan IPTS. Manakala, pada tahun 2009, bilangan graduan perubatan ialah seramai 2,235 orang iaitu 1,238 di IPTA dan 997 di IPTS.

Unjuran bilangan graduan perubatan IPTA pada tahun 2015 dianggarkan seramai 1,587 orang dan pada tahun 2020 pula seramai 1,758 orang. Manakala unjuran graduan perubatan IPTS pada tahun 2015 ialah seramai 3,492 orang dan pada tahun 2020 seramai 4,444 orang.

Soalan No : 65

**PEMBER1TAHU PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	LISAN
<b>DARIPADA</b>	Y.B.. DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM (PERMATANG PAUH)
<b>TARIKH</b>	07.04.2010

**SOALAN:**

Y.B. DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM [ PERMATANG PAUH ] minta Menteri Pelajaran menyatakan kegagalan siap projek 31 buah sekolah di seluruh negara; sebutRian syarikat-syarikat yang di senarai hitamkan atas kegagalan tersebut, tindakan yang diambil dan nilai kerugian Kerajaan serta nyatakan punca-punca kelemahan pemantauan terhadap pelaksanaan projek pembinaan sekolah- sekolah tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini terdapat sebanyak 45 projek yang telah dikategorikan sebagai projek sakit. Jumlah ini mewakili 0.32 peratus berbanding keseluruhan 14,181 projek di bawah RMKe-9. Daripada jumlah tersebut sebanyak 5 kontraktor telah ditamatkan kontrak mengikut syarat- syarat kontrak. Manakala 33 kontraktor yang lain sedang dalam proses pengeluaran surat Amaran Kemungkiran Kontrak dan 7 kontraktor lagi telah dipertimbangkan untuk Tempoh Lanjutan Masa (**EOT**). Sekiranya prestasi fizikal masih tidak memuaskan ianya akan diteruskan dengan proses penamatan kontrak.

NO.SOALAN:66

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN  
RAKYA

T

PERTANYAAN  
DARIPADA  
TARIKH  
SOALAN

LISAN  
DATUK AZALINA BINTI DATO' OTHMAN  
SAID [ Pengerang ]  
7 APRIL 2010

Datuk Azalina binti Dato' Othman Said [ Pengerang ] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan melalui JPA akan bersifat lebih terbuka dan sistematik bagi menarik lebih ramai golongan profesional untuk menyertai perkhidmatan awam sebagai salah satu usaha untuk penambahbaikan perkhidmatan yang sedia ada.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sememangnya melantik golongan profesional mengisi jawatan-jawatan seperti Jurutera, Arkitek, Akauntan dan Pegawai Undang-undang ke dalam perkhidmatan awam. Usaha ini dilaksanakan secara berterusan berdasarkan kepada keperluan perkhidmatan. Golongan profesional boleh dilantik ke gred lantikan bagi semua skim perkhidmatan. Walau bagaimanapun, bagi golongan profesional yang berpengalaman mereka boleh dilantik ke gred yang lebih tinggi atas pertimbangan Suruhanjaya Perkhidmatan.

Skim-skim tertentu membenarkan lantikan terus (*lateral entry*) seperti Skim Perkhidmatan Pensyarah yang boleh dilantik pada gred 45, 51/52, 53/54 atau Gred Khas.

Kesungguhan kerajaan juga boleh dilihat melalui usaha Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan melantik calon-calon yang memiliki kelayakan akademik dalam bidang profesional termasuk ke jawatan-jawatan yang bercorak pengurusan dan penguatkuasaan. Sebagai contoh, bagi perkhidmatan Kastam, daripada sejumlah 1,918 pegawainya di peringkat pengurusan dan profesional, 280 (15.0%) merupakan pegawai yang memiliki ijazah dalam bidang perakaunan dan dalam bidang undang-undang. Begitu juga dengan perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik di mana 551 pegawainya mempunyai kelayakan dalam bidang perakaunan, 294 memiliki kelayakan dalam bidang undang-undang dan 455 lagi memiliki kelayakan dalam bidang kejuruteraan iaitu 15.5% daripada jumlah keseluruhan pegawai PTD.

Sekian. Terima kasih.

## **SOALAN**

### **NO: PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD. YUSOFF  
[ RANTAU PANJANG ]**

**TARIKH 7 APRIL 2010**

## **SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci butiran

peruntukan khas untuk Parlimen Rantau Panjang melalui JPP Kelantan yang telah dan akan dilaksanakan bagi tahun 2008, 2009 dan 2010.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

Peruntukan Khas Y.A.B. Perdana Menteri untuk Kawasan Parlimen Rantau Panjang yang dilaksanakan oleh Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan bagi tahun 2008, 2009 dan 2010 adalah seperti berikut:

BIL	KATEGORI	TAHUN 2008		TAHUN 2009		TAHUN 2010 SEHINGGA 12 MAC	
		BIL	PERUNTUKAN (RM)	BIL	PERUNTUKAN (RM)	BIL	PERUNTUKAN (RM)
1	INFRASTRUKTUR AWAM  i. MASJID  ii. SURAU	2	40.0. 00				
		1	12.0. 00				
2	INFRASTRUKTUR ASAS	3	30,000.00	2	9,500.00		
3	BANTUAN/ SUMBANGAN NGO	44	359,150.00	10 8	480,490.00	8	36,500.00
4	PROGRAM SOSIAL /SUKAN/ KEBUDAYAAN			1	10,000.00	37	161,250.00
5	PEMBEKALAN					2	8,600.00
<b>JUMLAH</b>		<b>50</b>	<b>441,150.00</b>	<b>III</b>	<b>499,990.00</b>	<b>47</b>	<b>206,350.00</b>



Font: Arial (18)

Soalan No: 73

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MALAYSIA

LISAN

PERTANYAAN  
DARIPADA  
Y.B. DATUK BUNG  
MOKHTAR BIN RADIN  
(KINABATANGAN)  
07.04.10

TARIKH  
SOALAN

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah menyatakan tentang usaha konkrit Kerajaan dalam menambah peruntukan bagi tujuan menyediakan pembangunan seimbang di antara Bandar dan luar Bandar terutamanya dalam pembinaan rumah PPRT, bekalan air bersih dan prasarana umum masyarakat setempat.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

Menyediakan kemudahan infrastruktur asas luar bandar merupakan tanggungjawab utama Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW). Menyedari akan kepentingan ini di bawah *Government Transformation Programme (GTP)* Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), KKLW telah dipertanggungjawabkan bagi menerajui pembangunan infrastruktur asas luar bandar bagi tempoh 2010 hingga 2012. Di bawah NKRA infrastruktur asas luar bandar 4 bidang tumpuan diberi keutamaan iaitu,

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**  
i) Menghubungkan bekalan kepada masyarakat sosial dan ekonomi melalui pembinaan sepanjang R.3K, Jalil Anwar (BALB) dan naiktaraf. Ini akan melibatkan kos pembangunan berjumlah RM6.554 billion.

ii) Menyalurkan air bersih atau yang dirawat kepada 360,000 buah rumah melalui program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) dengan anggaran kos berjumlah RM5.404billion;

iii) Membekalkan tenaga elektrik 24 jam kepada 140,000 buah rumah di bawah program Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB); dengan anggaran kos berjumlah RM4.097billion dan;

iv) Membina/membaik pulih sebanyak 50,000 buah rumah bagi golongan miskin dan miskin tegar di bawah Program Bantuan Rumah (PBR) dengan kos sebanyak RM1.320billion.

Keempat-empat inisiatif ini akan melibatkan kos keseluruhan berjumlah **RM17.375billion** dalam tempoh tiga tahun dan akan menyebabkan bebanan kerja yang semakin tinggi kepada pihak Kementerian.

**Disediakan oleh:**

Tandatangan : .....  
Nama Pegawai ANI BINTIAHMAD  
Jawatan KPSU (NKRA)  
No. Telefon 03-88863788

**Disemak oleh:**

**KK/BP(1.10)294/6-73 SJ.B/(72)**

**DARIPADA  
PERTANYAAN**                      **DATUK CHUA SOON BUI (TAWAU )  
MULUT**

**TARIKH**                              **07.04.2010**

**SOALAN NO**                        **69**

**Datuk Chua Soon**

**Bui ( Tawau )** minta **MENTERI  
KEWANGAN**

menyatakan :-

- (a) Bilangan, nama dan jenis perniagaan Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan yang dicadang untuk dijual oleh Kerajaan pada tahun ini; dan
- (b) Berapakah jumlah pendapatan yang boleh diperoleh Kerajaan daripada setiap syarikat berbanding jumlah pelaburan. Apakah rasional menjual syarikat-syarikat ini.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Ketika pembentangan Bajet 2010 yang lalu, Kerajaan telah mengumumkan untuk mengurangkan secara beransur-ansur

penglibatannya dalam aktiviti ekonomi yang bersaing dengan sektor swasta. Untuk tujuan itu, Kerajaan akan menswastakan syarikat di bawah Kementerian Kewangan dan agensi Kerajaan yang berdaya maju. Gelombang kedua penswastaaan ini bermatlamat membolehkan syarikat dan agensi berkenaan beroperasi dengan lebih cekap. Pada masa ini, Kerajaan sedang menjalankan kajian bagi mengenal pasti syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan yang berpotensi sama ada untuk diswastakan atau dilupuskan (**divest**) pengangan oleh Kerajaan. Penilaian ini juga adalah merupakan proses berterusan yang sentiasa dijalankan oleh Kerajaan bagi memastikan syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan mencapai sasaran prestasi yang ditetapkan.

2. Kajian ini juga akan menganal pasti kaedah penswastaaan atau pelupusan yang bersesuaian yang boleh diambil oleh Kerajaan bagi mendapatkan nilai terbaik bagi setiap syarikat yang terlibat. Keputusan sama ada untuk melupuskan ( **divestment**) pegangan kerajaan dalam syarikat-syarikat berkenaan melalui kaedah penswastaaan ataupun penjualan adalah bergantung kepada hasil kajian yang sedang dijalankan. Antara faktor penting yang akan diambil kira adalah prestasi syarikat tersebut serta potensi masa hadapannya.

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah pun membuat pengumuman mengenai syarikat milik Menteri Kewangan Diperbadankan yang mempunyai potensi untuk diswastakan syarikat-syarikat tersebut adalah Percetakan Nasional Malaysia Berhad,

CTRM Aero Composites Sdn Bhd, Nine Bio Sdn Bhd dan Innobio Sdn Bhd. Kerajaan juga akan membuat pengumuman lanjut mengenai pelaksanaan inisiatif penswastaan ini, setelah keputusan mengenainya diputuskan kelak.



**SOALAN NQ.70**

**PEMBERITAHUAN**  
**PERTANYAAN**  
**DEWAN**  
**PERTANYAAN**      LISAN  
**RAKYAT**

DARIPADA      Y.B. DATO' HAJI WAN ABD RAHIM  
BIN WAN ABDULLAH [ KOTA  
BHARU ]

TARIKH      7 APRIL 2010

**SOALAN:**

**Y.B. DATO' HAJI WAN ABD RAHIM BIN WAN ABDULLAH** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan perbincanaan denaan semua parti politik bersabit perubahan-perubahan peraturan-peraturan pilihan

**SOALAN NQ.70**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

raya.





**JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan senantiasa memberi galakan dan sokongan kepada semua parti politik untuk mengadakan sebarang perbincangan untuk kepentingan bersama. Dalam konteks sistem pilihan raya, pula, kerajaan tidak berhasrat campur tangan dan menyerahkan perkara tersebut kepada SPR selaku badan yang dipertanggungjawabkan oleh Perlembagaan untuk mengurus dan mengendalikan hal ehwal pilihan raya. Ini termasuklah dalam mengadakan perbincangan dan dialog dalam mencari formula dan penyelesaian terbaik untuk menambah baik sistem pilihan raya yang sedia ada.

Berhubung dengan perubahan-perubahan peraturan-peraturan pilihan raya, kerajaan yakin pihak SPR telah pun mengadakan siri pertemuan dan perbincangan serta taklimat sebelum sebarang perubahan atau penguatkuasaan peraturan dilakukan. Bahkan saya telah dimaklumkan, sebelum ini beberapa siri pertemuan dan perbincangan pernah diadakan dengan semua parti politik sebelum

peraturan-peraturan pilihan raya mengenai larangan mengadakan 'pondok panas' dan sebagainya, dikuatkuasakan, umpamanya, tatkala menjelang Pilihan Raya Kecil DUN N.12 Penanti (31 Mei 2009). Hasilnya, semua parti yang bertanding telah menerima dan akur dengan keputusan SPR itu.

Untuk rekod, pertemuan dan perbincangan bersifat muafakat ini, yang dirintis oleh SPR, telah memberi satu respons dan petunjuk yang positif ke arah perbincangan bersama yang lebih konstruktif dalam isu-isu yang bukan sahaja mengenai penambahbaikan sistem dan undang-undang, tetapi juga mengenai kerjasama antara SPR dengan parti-parti politik dalam memberi pendidikan mengenai kepentingan demokrasi dan pilihan raya serta kesedaran mendaftar sebagai pemilih dan hak mereka sebagai pengundi kepada masyarakat umum.

Justeru, kerajaan yakin dan percaya, SPR akan terus mengadakan siri perbincangan ini dengan parti-parti politik dalam perkara-perkara yang mempunyai kepentingan bersama untuk

kebaikan bersama. Sekian, terima kasih.

